



Air Selangor, PAAB meterai empat perjanjian

Permeteraian yang dilaksanakan ini adalah satu peristiwa penting dalam penstrukturan semula industri air Selangor. Ia membabitkan empat perjanjian bagi memenuhi tarikh akhir 60 hari daripada majlis menandatangani perjanjian tambahan, pada 10 Julai lalu. Empat perjanjian itu adalah Perjanjian Kemudahan, Pajakan, Penyelesaian dan Hak Guna antara dua syarikat itu selama 45 tahun di bawah Pajakan dan Hak Penggunaan Perjanjian.

- Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali



METERAI...
Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bersama Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Maximus Ongkili mencapai kata sepakat pada Majlis Menandatangani Penstrukturan Industri Perkhidmatan Air Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam

BERITA LANJUT
DI MUKA SURAT 2

Skim perumahan tentera dikaji

OLEH: LIZAWATI MADFA

KUALA SELANGOR - Skim perumahan khusus bagi golongan pesara tentera bakal dikaji untuk dilaksanakan di Selangor, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, inisiatif itu sesuai dengan permintaan golongan berkenaan yang tidak

mempunyai simpanan kukuh selama berkhidmat dalam kerajaan.

"Semalam (7 September), saya bertemu wakil pimpinan Yayasan Perwira terdiri daripada pegawai tertinggi tentera yang mahu melibatkan PKNS dalam membina rumah pesara yang banyak berkorban.

"Ini bukti bahawa masyarakat

meletakkan harapan tinggi kepada Kerajaan Negeri dan PKNS yang terbukti menyediakan rumah berkualiti kepada rakyat," katanya dalam Majlis Pelancaran dan Pendaftaran Rumah Selangorku Idaman PKNS Kota Puteri, di sini, pada 8 September lalu.

Hadir sama Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Ke-

hidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman dan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Azlan Alifiah.

Pada masa sama, Mohamed Azmin juga memberi jaminan Kerajaan Negeri terus mengawal harga rumah supaya tidak terlalu membebankan rakyat

walaupun kos bahan binaan terus meningkat.

"Ini cabaran besar Kerajaan Negeri dan harap semua pihak fahampembinaaninimelibatkan 'market forces'. Bagaimanapun, kita cadangkan untuk kurangkan kos pembinaan dengan menerokai teknologi baru yang mampu mengurangkan tempoh pembinaan," katanya.

Penstrukturan semula air

Air Selangor, PAAB penuhi 60 hari perjanjian tambahan

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) menandatangani empat perjanjian membabitkan Perjanjian Kemudahan, Perjanjian Pajakan, Perjanjian Penyelesaian dan Perjanjian Hak Guna antara dua syarikat itu selama 45 tahun di bawah Pajakan dan Hak Penggunaan Perjanjian.

Semua perjanjian itu dilakukan bagi memenuhi tarikh akhir 60 hari daripada majlis menandatangani perjanjian tambahan, pada 10 Julai lalu.

Majlis itu disaksikan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), di sini, pada 8 September lalu.

Air Selangor diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shuhaimi Kamaralzaman, manakala Ketua Pegawai Eksekutif PAAB, Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman mewakili syarikat berkenaan.

Bercakap pada sidang media, Mohamed Azmin berkata,

pementeraan itu memudahkan penyiapan Perjanjian Induk dan pelepasan RM2 bilion daripada PAAB kepada Air Selangor sebagai pembiayaan mengambil alih empat konsesi air.

"Sebagai pertukaran, Air Selangor akan memindahkan sehingga RM2 bilion nilai aset air kepada PAAB yang kemudiannya akan disewakan kepada Air Selangor.

"Di samping itu, Air Selangor akan diberi Lesen Individu Kemudahan dan Perkhidmatan di bawah Akta Industri Perkh-

idmatan Air 2006 (WSIA) yang membolehkan ia memiliki aset air seterusnya mengendalikan perkhidmatan bekalan air secara holistik di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, berkuat kuasa tahun depan," katanya.

Sementara itu, Maximus merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Selangor di atas kerjasama memberi semua kelulusan yang diperlukan bagi membolehkan PAAB meneruskan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem sgihannya.

"Besarnya harapan KeTTHA supra-

ya Kerajaan Negeri dapat memastikan Air Selangor melaksanakan tanggungjawab sebagai operator perkhidmatan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sehabis baik bagi memenuhi harapan tinggi rakyat yang menuntut perkhidmatan efisien dan berdaya harap.

"Walaupun mengalami kelewatan dan dijangka hanya dapat beroperasi sepenuhnya pada 2019, langkah panjang ini dijangka membantu memastikan kelangsungan bekalan air kepada pengguna,"katanya.

Ambil alih Syabas, Puncak Niaga berkuat kuasa Oktober

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) bakal muncul sebagai syarikat baharu penyedia perkhidmatan bekalan air kepada Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, bermula Mac 2016.

Perkara itu diumumkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali selepas Air Selangor berjaya mengambil alih Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB).

"Bermula 1 Oktober ini, Air Selangor dijangka mengambil alih Syabas dan PNSB, namun keduanya akan terus menyediakan perkhidmatan bekalan air yang cekap kepada pengguna.

"Semua usaha itu akan memberi tumpuan ke arah meningkatkan lagi perkhidmatan rawatan air, sistem pengedaran, pengurangan air tidak terhasil (NRW) dan bekalan air yang berterusan dan mencukupi kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Penstrukturan Industri Perkhidmatan Air Selangor antara Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor, di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), di sini, pada 8 September lalu.

Kerajaan Negeri dan Persekutuan berjaya memuktamadkan



empat perjanjian membabitkan Perjanjian Kemudahan, Pajakan, Penyelesaian dan Hak Guna antara PAAB dan Air Selangor selama 45 tahun di bawah Pajakan dan Hak Penggunaan Perjanjian, sekali gus memenuhi tarikh akhir 60 hari daripada majlis menandatangani perjanjian tambahan, pada 10 Julai lalu.

Hadir sama, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dan Pengerusi PAAB, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Maximus berkata, Air Selangor sudah dianugerahkan Lesen Individu Kemudahan dan Perkhidmatan di bawah Akta

Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) yang membolehkan entiti itu memiliki aset air selain mengendalikan perkhidmatan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Bagaimanapun, lesen itu mula berkuat kuasa pada 22 Februari 2016 bagi membolehkan semua perjanjian kemudahan disempurnakan.

"Air Selangor dan PAAB diberi tempoh lima bulan untuk menyempurnakan semua perjanjian termasuk meminda Perjanjian Konsesi Syabas dan menamatkan perjanjian konsesi berkaitan PNSB serta konsortium Abass," katanya.

TINJAUAN ORANG RAMAI

Rakyat puas hati Air Selangor, PAAB meterai perjanjian

Sebagai rakyat Selangor, saya gembira apabila isu penstrukturan air dapat diselesaikan secara baik dengan melibatkan kerjasama padu antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Dengan termeterainya perjanjian itu, saya berharap rakyat tidak lagi berdepan isu gangguan bekalan memandangkan air adalah keperluan utama. Tindakan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang memantau perkara itu daripada awal juga harus dipuji kerana beliau nyata memahami apa yang diperlukan rakyat.

Guru, Nor Najihah Nordin, 27



Usaha bersama Kerajaan Negeri dan Persekutuan itu tidak perlu dipertikai kerana jelas demi kebaikan rakyat. Ia juga memberi kemenangan kepada rakyat Selangor dan pengguna di Lembah Klang yang selama ini ternanti-nanti kesudahan penstrukturan air.

Tahniah kepada Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang menolak perbezaan politik untuk menyelesaikan perkara itu demi kepentingan rakyat.

Kakitangan swasta, Jazlan Hamsan, 26

Diharap apa yang Dato' Menteri Besar lakukan dapat memberi kebaikan secara menyeluruh kepada rakyat Selangor khususnya. Perjanjian itu membuktikan tiada lagi pihak yang berat sebelah sebaliknya diselesaikan secara profesional.

Kakitangan swasta, Siti Raizliza M Haizan, 24



Cari tapak pelupusan sampah industri



OLEH AFIX REDZUAN

PETALING JAYA - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta mengenalpasti lokasi strategik di wilayah seliaan masing-masing untuk dijadikan lokasi pelupusan sisa industri dan binaan.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, berkata ia bagi memastikan sistem pengurusan sampah lebih efisien selain mengelak berlakunya pembuangan sampah haram secara berleluasa.

"Kita melihat keperluan mendesak untuk menempatkan sampah industri. Oleh itu, PBT digesa mengenalpasti tapak sesuai untuk menempatkan sampah binaan dan industri bukannya dibuang di tapak haram.

"Ini kerana, pengurusan sampah adalah agenda utama setiap PBT bagi memastikan kelesaan masyarakat yang juga pembayar cukai. Sebagai langkah awal, kita mengambil inisiatif membekalkan 3,000 tong sampah kepada semua PBT," katanya pada PJ Half Marathon 2015, di Dataran Boulevard, di sini, baru-baru ini.

“Ini kerana, pengurusan sampah adalah agenda utama setiap PBT bagi memastikan kelesaan masyarakat yang juga pembayar cukai. Sebagai langkah awal, kita mengambil inisiatif membekalkan 3,000 tong sampah kepada semua PBT”

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

berdasarkan operasi terjah sampah yang dilakukan di Selangor dan Gombak, Mohamed Azmin mendapati pembuangan sampah haram semakin menular dan memerlukan undang-undang tegas bagi membendung perkara itu.

Katanya, beberapa tanah sudah dirampas susulan aktiviti pembuangan sampah haram berdasarkan bukti kukuh yang diperoleh dan pemilik tanah didapati bersubahat dengan pengusaha sampah haram.

"Mulai tahun hadapan, satu sistem pengurusan sisa pepejal dan pemilihan kontraktor yang layak dapat dilakukan dengan lebih baik bagi memastikan aspek pengurusan sampah berjalan lancar serta terkawal.

"Kamar perundangan Kerajaan Selangor juga sedang menilai bentuk perundangan lebih tegas mengikut lunas Perlembagaan untuk mengenakan hukuman lebih berat kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti pembuangan sampah haram," katanya.

Seminar cari penyelesaian sisa pepejal

SHAH ALAM - Pengurusan sisa pepejal di Selangor akan melalui proses penambahbaikan dalam memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor, Dr Fahmi Ngah, berkata seminar berkaitan isu terbabit akan diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam, pada 10 September ini.

"Ia antara siri seminar yang kita jalankan selama ini bagi perbincangan dan rumusan isu sisa pepejal di Selangor. Kita juga akan mendapat pandangan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berhubung misi dan visinya," katanya kepada Selangor Kini.

Fahmi berkata, seminar itu akan menghimpunkan semua jabatan dan agensi kerajaan serta pihak berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita berharap seminar ini



“Ia antara siri seminar yang kita jalankan selama ini bagi perbincangan dan rumusan isu sisa pepejal di Selangor”

DR FAHMI NGAH
Ketua Pegawai Eksekutif
Pejabat Nasihat Ekonomi
Selangor

akan memberikan hasil rumusan positif ke arah kebaikan semua pihak terutama rakyat selaku pengguna," katanya.

Contohi langkah DBKL

SUBANG JAYA - Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Selangor digesa mencontohi kaedah proaktif juga progresif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menangani kes denggi.

Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Hannah Yeoh, berkata kaedah yang diguna DBKL dengan kerjasama Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia terbukti lebih efektif dan positif.

Katanya, pemetaan strategik kes denggi yang dijalankan DBKL terbukti mampu menurunkan kadar kes denggi serta bilangan ka-

wasan panas.

"Mereka buat pemetaan, kaji semua kes positif dilaporkan seterusnya mencari 'common trend'. Contohnya, mereka akan mengkaji kawasan lapang dilalui mangsa dan membersihkannya jika denggi menyerang golongan pekerja.

"Begitu juga jika pelajar diserang denggi, seluruh kawasan lapang yang dilalui akan dibersihkan. Ia ternyata berkesan, lebih cepat serta efektif, bahkan kaedah itu juga dilaksanakan di Ipoh dan Seri Iskandar," katanya.

Ikan gapi perangi denggi

KAPAR - Selangor bakal melaksanakan projek perintis menggunakan ikan gapi dalam usaha memerangi wabak denggi di negeri itu, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Wanita dan Hal Ehwal Keluarga, Dr Daroyah Alwi

Daroyah berkata, keputusan kawasan untuk melaksanakan projek itu bakal diputuskan Kerajaan Negeri hujung bulan ini.

"Daripada segi kawalan biologi, kita kaji usaha memerangi dengan menggunakan ikan gapi. Setakat ini, kaedah itu baik kerana ikan gapi makan jentik-jentik.

"Namun, untuk dilaksanakan agak sukar sebab itu kita memerlukan masa. Majlis Perbandaran

Subang Jaya (MPSJ) juga sedang membuat satu makmal berhubung pembiakan nyamuk Toxo.

"Dua tempat yang kita laksanakan sebelum ini memang ada pengurangan kes denggi," katanya kepada Selangor Kini.

Mengikut statistik sehingga 8 Ogos lalu, 1,336 kes dicatat dan menjadikan kumulatif kes bagi tahun ini 41,223 kes, manakala kumulatif kematian adalah 93 kes.

"Setakat ini, kes denggi termasuk kematian masih membimbangkan. Statistik menunjukkan seolah-olah tiada penyelesaian. Oleh itu, kita cuba laksanakan pelbagai kaedah termasuk fogging," katanya.

Sultan Selangor sempurnakan hari lahir panda gergasi

OLEH NORHAYATI UMOR

AMPANG - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyempurnakan majlis sambutan hari lahir pasangan panda gergasi, Xing Xing dan Liang Liang yang ke-9 di Dataran Datuk Ismail Huston, Zoo Negara, di sini, pada 3 September lalu.

Sultan Sharafuddin yang juga Penaung Zoo Negara turut menyampaikan sijil 'Kek Giant Panda Terbesar' oleh Malaysia Book Of Records kepada Persatuan Zoologikal Malaysia.

Projek itu adalah kerjasama dengan Jabatan Seni Kulinari dan Gastronomi, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan Universiti Teknologi Malaysia (UITM), Puncak Alam dengan kek terbesar itu berjaya disiapkan dalam tempoh seminggu membabitkan 30 tenaga kerja.

Turut hadir menemani baginda adalah Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan Presiden Malaysian Zoological Society, Datuk Zaharin Md Arif serta Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong.

Sempena majlis itu juga, baginda berkenan merasmikan poskad Zoo Negara yang dikeluarkan Pos Malaysia Berhad membabitkan 10,000 set kad postal yang akan dijual di pasaran tempatan dan setiap kad itu akan mempunyai nombor siri dengan harga RM9.

Pasangan panda gergasi dari China, dengan nama asal Fengyi dan Fuwa adalah simbol jalinan hubungan diplomatik 40 tahun Malaysia-China yang tiba di Kuala Lumpur, pada Mei 2014.

Panda gergasi itu dilahirkan di daerah Wolong, Sinchuan, pada 23 Ogos 2006 yang dipinjamkan



kerajaan China kepada Zoo Negara bagi tempoh 10 tahun melalui Program Penjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda

Gergasi.

Melalui program perjanjian yang ditandatangani pada 2012 itu, Malaysia akan berpeluang

menjalankan penyelidikan konservasi panda gergasi selain dapat membangun dan melatih kepakaran tempatan.

Peniaga dan pemilik premis perlu toleransi

AMPANG - Tindakan peniaga pasar malam di Jalan Pandan Indah 4/1, dekat sini, yang tidak mematuhi waktu operasi perniagaan dibenarkan menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan pemilik premis di situ.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata terdapat peniaga mendirikan gerai seawal jam 3.30 petang tetapi waktu yang dibenarkan adalah 4.30 petang.

Katanya, tindakan peniaga pasar malam meletakkan barang niaga di kaki lima kedai bukan sahaja menghalang laluan, bahkan menjejaskan perniagaan pemilik premis terabit.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sudah mengeluarkan notis supaya operasi pasar malam hanya dibenarkan selepas jam 4.30 petang.

"Saya minta supaya peniaga patuhi waktu bagi memastikan masalah ini tidak berlarutan yang dikhuatiri boleh menimbulkan perkara tidak diingini," katanya selepas mengadakan lawatan di situ, pada 5 September lalu.

"Saya minta supaya peniaga patuhi waktu bagi memastikan masalah ini tidak berlarutan"

ISKANDAR SAMAD
Exco Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar

Pada masa sama, Iskandar yang juga Adun Chempaka turut menasihatkan pemilik premis supaya memberi kerjasama dengan mengalihkan kenderaan bagi memberi laluan kepada operasi pasar malam.

Katanya, peniaga pasar malam yang menjalankan perniagaan di tapak parkir kereta mengalami dilema apabila masih terdapat kenderaan yang tidak dialihkan walaupun notis sudah dikeluarkan.

"Sikap toleransi semua pihak akan melancarkan operasi pasar malam yang melibatkan kira-kira 387 peniaga. adi, apabila ada pemilik yang tidak memberi kerjasama, peniaga terpaksa 'mengangkat' kenderaan mereka hingga menimbulkan perbalahan dan ini yang kita mahu elakkan," katanya.

Pastikan jambatan Pulau Carey selamat

SHAH ALAM - Jabatan Kerja Raya (JKR) diminta menjalankan tindakan segera bagi memastikan jambatan Pulau Carey selamat digunakan dan tidak mendatangkan kebimbangan kepada orang ramai.

Adun Sijanggang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata pengguna jalan raya yang kerap menggunakan laluan itu berasa resah ekoran tiang konkrit jambatan retak selepas dilanggar tongkang hanyut, pada 1 September lalu.

"Kejadian itu amat membimbangkan orang ramai yang menggunakan laluan dari Morib ke Klang dan kini terpaksa berpatah balik mencari laluan alter-



Dr Ahmad Yunus

natif. JKR diharap dapat bertindak segera bagi mengatasi perkara itu supaya pengguna berasa selamat menggunakan laluan berkenaan," katanya.

Laluan Pulau Carey ke Banting

merentasi jambatan itu masih boleh digunakan secara bergilir, namun arah sebelah Banting ke Pulau Carey terpaksa ditutup sementara akibat keretakan struktur tiang konkrit selain memberi ruang kepada JKR untuk melakukan pemeriksaan terperinci.

Bagaimanapun, Ahmad Yunus yang juga Exco Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi, berkata ia perlu dibaiki segera sebelum dibuka sepenuhnya kepada umum.

Beliau juga meminta pihak berkenaan yang menggunakan pengangkutan air di lokasi terabit memastikan keselamatan kenderaan demi kebaikan semua.

Karnival 3K tawar program menarik

SHAH ALAM - Karnival Kampung Kesayanganku (3K) kembali lagi dengan penganjuran pelbagai aktiviti keagamaan, kesenian, tradisional dan sukan di daerah Petaling, pada 11 hingga 12 September ini.

Karnival dua hari yang bakal berlangsung di Masjid Jamiul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh itu turut memuatkan

program keusahawanan, kesukarelaan dan kemasyarakatan.

Lebih menarik, ia turut menyediakan perkhidmatan percuma bagi pertukaran minyak hitam motosikal, rawatan muka dan dandanan rambut wanita.

Ia dijadualkan berlangsung pada jam 10.30 pagi bermula dengan lawatan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan

Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi, Dr Ahmad Yunus Hairi ke Pejabat Agama Islam daerah Petaling.

3K diwujudkan bagi melahirkan keluarga harmoni berlandaskan acuan nilai agama dan bertujuan memperkasa institusi masjid di samping mengetengahkan warisan adat Melayu kepada golongan belia.

40,000 banjiri Bon Odori

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Hampir 40,000 penonton membanjiri Kompleks Sukan Negara, di sini, bagi menyaksikan Festival Tarian Bon Odori dari Jepun, pada 6 September lalu.

Festival tarian negara matahari terbit itu memasuki ulangtahun ke-39 tahun yang dianjurkan bersama Kelab Jepun Kuala Lumpur, Tourism Selangor, Kedutaan Jepun di Malaysia dan beberapa persatuan Jepun di Malaysia.

Ia adalah festival tarian utama dan terbesar diadakan di Jepun serta di luar dengan persembahan pelbagai variasi tarian juga muzik tradisional Jepun.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang hadir turut mengambil kesempatan turun ke padang bermesra dan berkongsi pengalaman bersama peserta dan hadirin serta memukul gong dalam festival berkenaan.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong; Pengurus Besar Tourism Selangor, Noorul Ashikin Mohd Din; Duta Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa dan pengerusi penganjur, Toshihiko Todokoro.

Bon Odori adalah tarian rakyat Jepun dengan Odori bermakna tarian, manakala Bon adalah singkatan teks Buddha, Ullambana Sutra yang disebut Urabon tetapi dipendekkan kepada Bon.

Perayaan itu disambut setiap tahun sebagai acara musim panas paling popular di setiap bandar di Jepun yang selalu disertai dengan menyanyi dan menari selaras dengan irama meriah diiringi paluan gendang, gong dan seruling.



Rancarkan pelancongan Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memberi kerjasama penuh terhadap penganjur Festival Tarian Bon Odori kerana ia bakal merencanakan industri pelancongan negara.

Ia juga mengeratkan hubungan mesra antara Jepun dan Malaysia kerana festival terbabit antara yang terbesar dengan penganjurannya sudah menjangkau 39 tahun.

Exco Pelancongan, Alam Seki-

tar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata penganjur festival tahun ini amat penting dan bersesuaian dengan Tahun Melawat Selangor 2015.

"Kerajaan Negeri dan Tourism Selangor menyokong penuh acara ini dan ia memberi impak besar dengan kehadiran antara 35,000 ke 40,000 pelancong termasuk kira-kira 2,000 rakyat Jepun setiap tahun.

"Walaupun hujan, tetapi ia bu-

kan penghalang untuk orang ramai hadir juga bergembira menikmati muzik dan kesenian Jepun,"katanya dalam sidang media di Kompleks Sukan Negara, di sini, pada 6 September lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri berharap festival anjuran bersama Kelab Jepun Kuala Lumpur, Tourism Selangor, Kedutaan Jepun dan beberapa persatuan Jepun di Malaysia itu diadakan lebih besar ta-

hun hadapan bersesuaian dengan sambutan 40 tahun.

Sementara itu, Dr Makio Miyagawa menzahirkan rasa bangga dengan sambutan hebat rakyat Malaysia terhadap acara itu dengan kehadiran ribuan penonton ke kompleks berkenaan.

"Kita gembira dengan kehadiran ramai penonton tidak hanya orang Jepun tetapi juga Malaysia,"katanya.

Umum segera status Taman Lestari Permai

SHAH ALAM - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) digesa memberi penjelasan kepada penduduk Taman Lestari Permai, Seri Kembangan terhadap pengisytiharan terbengkalai di kawasan perumahan itu oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Sa-

mad, berkata penduduk berhak mengetahui asas pengisytiharan terbengkalai yang diambil JPN ke atas kediaman yang sudah didiami sejak lima tahun itu.

"Saya akan memanggil KPKT untuk membincangkan isu itu pada satu mesyuarat dalam masa terdekat. KPKT seharusnya mengeluarkan kenyataan bertulis menjelaskan kepada penduduk bagi

menyelakkan sebarang kekeliruan,"katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas isu pengisytiharan terbengkalai Taman Lestari Permai yang sebelum ini mengundang banyak pertikaian, bahkan merunsingkan penduduk terlibat.

Sebelum ini, penduduk terkejut dan bingung apabila mengetahui perumahan mereka diisytih-

arkan terbengkalai melalui notis yang digantung KPKT.

Penduduk turut mempertikai bagaimana sebuah kawasan perumahan memiliki sijil penuh Layak Menduduki (CF) boleh mendapat pengisytiharan berkenaan dan KPKT enggan mengeluarkan sebab bertulis kepada wakil yang tampil memanjangkan perkara itu.

RM12 juta tingkat prasarana pertanian

KUALA SELANGOR - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM12 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor bagi pembangunan pengairan juga saliran pertanian di negeri itu.

Pengarahnya, Hashim Osman, berkata JPS juga memohon peruntukan RM50 juta kepada Kerajaan Negeri untuk RMK-11.

"Peruntukan diberi menunjukkan harapan tinggi Kerajaan Negeri terhadap permodenan pertanian dan industri asas tani dan menjadi tanggungjawab kita untuk terus maju meningkatkan hasil pertanian di negeri ini.

"Menjadi peranan setiap ketua blok untuk terus memimpin semua pesawah dalam melaksanakan program pembangunan asas tani di kawasan masing-masing,"katanya pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan dan Kursus Induksi Ketua Blok kawasan pengairan bagi daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor, di sini, pada 7 September lalu.

Watikah itu disampaikan Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib kepada 358 petani yang mewakili 22,000 pesawah dalam zon jelapang padi, kawasan pertanian IADA Barat Laut Selangor.

Zaidy berkata, Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk meningkatkan elaun ketua blok sebanyak RM50 memandangkan kos sara hidup meningkat akibat bebanan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan kejatuhan nilai mata wang ringgit.

"Difahami sebelum 2008, elaun perkhidmatan hanya RM30 dan elaun kini meningkat RM100 sebulan selepas diambillalih Kerajaan Pakatan Rakyat.

"Kerajaan Negeri prihatin kepentingan peranan ketua blok sebagai nadi perantara mem-babitkan petani dan agensi pertanian dalam melaporkan secara terus masalah dihadapi,"katanya.

Skandal 1MDB dan 'derma' RM2.6 bilion

Segerakkan sidang tergempar

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan perlu mengadakan sidang tergempar Parlimen segera bagi membolehkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberikan jawapan jujur kepada rakyat berhubung skandal 1MDB dan derma RM2.6 bilion.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata PKR memandang serius kecaman masyarakat antarabangsa terhadap kredibiliti Najib berikutan kegagalan beliau memberikan penjelasan berkenaan isu itu.

Katanya, beberapa badan dunia yang terbabit dalam mem-

banteras rasuah pada Persidangan Antarabangsa Pencegahan Rasuah (IACC) ke-16 di Putrajaya mengkritik kegagalan Najib dan Kerajaan Malaysia dalam menangani masalah berkenaan.

"PKR berasa gusar apabila Pengerusi Transparency International (TI), Jose Ugaz menggambarkan sumbangan itu sebagai kes rasuah yang boleh memberi kesan kepada hak asasi manusia," katanya dalam kenyataan media.

Katanya, tindakan Najib merombak kabinet dengan memasukkan pengerusi dan beberapa anggota PAC dalam kerajaan bertujuan menghalang

“

PKR berasa gusar apabila Pengerusi Transparency International (TI), Jose Ugaz menggambarkan sumbangan itu sebagai kes rasuah yang boleh memberi kesan kepada hak asasi manusia

DR WAN AZIZAH
Ketua Pembangkang

siyasatan menyeluruh dilakukan terhadap beliau.

"Majoriti rakyat termasuk badan mewakili kumpulan anti rasuah antarabangsa mengkritik sikap berdiam diri Najib terhadap dakwaan derma diterima beliau dalam akaun peribadinya," katanya.



"Yang naikkan Najib juga mahu jatuhkan dia"

SHAH ALAM - PKR sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang mahu menjatuhkan kerajaan zalim, kata Presidennya, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau berkata, kesediaan itu penting dalam usaha memperkuat barisan menentang kerajaan yang meporak-perandakan kesejahteraan rakyat termasuk meneruskan kerjasama politik dengan PAS.

"Kita bekerja dengan semua orang untuk jatuhkan kerajaan zalim yang membuatkan ekonomi jadi begini dan mahu tatakelola baik.

"Sesiapa sahaja rakyat Malaysia yang mahu bersama kita, dialu-alukan. Seseorang yang naikkan Najib menjadi Perdana Menteri pun kini bersama rakyat mahu menjatuhkannya," katanya ketika ditemui di lobi bangunan Jabatan Agama Islam Selangor, di sini, pada 3 September lalu.

Ditanya sama ada beliau



memaksudkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan mahu bekerjasama dengannya, Wan Azizah hanya tertawa kecil.

Pada masa sama, Wan Azizah enggan mengulas lanjut ban-

tahan Parti Amanah Negara (Amanah) yang tidak mahu memasukkan PAS dalam gabungan pembangkang baharu, Pakatan Rakyat 2.0.

"Itu pandangan dia," katanya merujuk kenyataan Amanah.

Azmin: PAS perlu kekal dalam Pakatan 2.0

KUALA SELANGOR - PKR kekal menyokong kemasukan PAS dalam gabungan pembangkang yang baru dan ia dibuat secara kolektif bersama pimpinan tertinggi lain, kata Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, perbincangan bukan sahaja dibuat bersama Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail tetapi turut membabitkan Ketua Umumnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"PKR adalah sebuah parti inklusif dan sedia terima mana-mana pihak yang terikat dengan pendirian dan dasar reformasi secara total.

"Sebagai parti yang diberi mandat oleh rakyat, kita tawaduk dan menerima pandangan pelbagai pihak bagi mencapai matlamat menyelamatkan serta memulihkan negara," katanya, di sini, pada 8 September lalu.

Terdahulu, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng berkata DAP menolak PAS menyertai gabun-

“

PKR adalah sebuah parti inklusif dan sedia terima mana-mana pihak yang terikat dengan pendirian dan dasar reformasi secara total

MOHAMED AZMIN
Timbalan Presiden PKR

gan baru itu ekoran parti Islam itu merancang mahu meletakkan calon di kerusi yang ditandinginya.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin yang juga Dato' Menteri Besar menganggap itu sebagai pandangan peribadi Guan Eng.

"Itu pandangan Lim Guan Eng. Terpulung kepada DAP. Yang saya nyatakan baru-baru ini bukan kenyataan dan pendirian saya atau Wan Azizah tetapi itu pendirian PKR," tegasnya.



Musuh kita hanya Umno-BN

PETALING JAYA - Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengulangi pendirian untuk terus bekerjasama dengan semua parti politik sealian dalam usaha menumbangkan Barisan Nasional (BN).

Timbalan Presidennya, Mohamed Azmin Ali, menegaskan komitmen membawa perubahan kepada negara sudah diulang berkali-kali seperti yang disebut Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"PKR akan bekerjasama dengan semua parti yang komited dengan agenda bersama untuk membawa perubahan dalam negara. Kalau ada pihak termasuk PAS sealian dan komited dengan agenda bersama Pakatan Rakyat

(Pakatan) sudah tentu kita akan bekerjasama dengan mereka.

"Ini kerana, musuh utama kita hanyalah Umno-BN," katanya ketika diminta mengulas berhubung kedudukan PAS dalam Pakatan Rakyat 2.0 yang didakwa akan ditubuhkan dalam masa terdekat, pada 6 September lalu.

Sebelum ini, timbul spekulasi penubuhan Pakatan Rakyat 2.0 tanpa penglibatan PAS ekoran pergeseran dengan DAP hingga mengakibatkan masing-masing memutuskan hubungan kerjasama.

PAS berpendirian terus kekal bersama Pakatan walaupun DAP beranggapan gabungan berkenaan sudah terkubur.

OLEH AFIX REDZUAN

Banteras jenayah bukan tekan rakyat

PETALING JAYA - Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi tumpuan kepada usaha membentaras jenayah berbanding memanggil pimpinan politik dan badan bukan kerajaan memberikan keterangan berhubung perhimpunan Bersih 4.0.

Katanya, rakyat membayar cukai kepada kerajaan untuk memastikan ketenteraman mereka terpelihara melalui PDRM dan himpunan terbabit berlangsung aman dan mengikut peruntukan Perlembagaan, pada 29 dan 30 Ogos lalu.


"Saya menyeru PDRM melihat perkara ini (membendung

jenayah) secara serius dalam usaha mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat serta masyarakat antarabangsa terhadap institusi polis itu sendiri.

"Ini kerana PDRM adalah institusi penting dalam sistem demokrasi yang harus memelihara ketenteraman rakyat bukannya individu,"katanya ketika diminta mengulas perkembangan siasatan perhimpunan

Bersih 4.0 yang menyaksikan beberapa pemimpin dilaporkan akan dipanggil membantu siasatan.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengeluarkan kenyataan akan memanggil beberapa pemimpin parti termasuk mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed kerana hadir dalam perhimpunan berkenaan.



Tahniah! Bersih 4.0 berjaya himpun ratusan ribu rakyat

SHAH ALAM - Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah di atas kejayaan Bersih 4.0 menghimpunkan ratusan ribu rakyat secara aman bagi menuntut perubahan.

"Saya ucap tahniah kepada ratusan ribu rakyat Malaysia yang disertai perhimpunan aman Bersih 4.0. Ia kejayaan amat besar dengan memberi fokus penting kepada tuntutan Bersih yang sah dan patut.

"Perhimpunan itu membuktikan rakyat Malaysia matang dan bertanggungjawab dalam

melaksanakan hak mereka untuk bersuara dan berhimpun secara aman," tulis Anwar dalam perutusan melalui peguamnya, pada 1 September lalu.

Beliau berkata, rakyat juga cekat meneruskan perjuangan perubahan dan menentang rasuah juga penipuan walaupun diugut serta menghadapi pelbagai halangan oleh kerajaan.

Beliau juga mengalu-alukan kehadiran mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang turut menyertai perhimpunan itu.

Ringgit terus menjunam

SHAH ALAM - Nilai Ringgit Malaysia terus berada di kedudukan paling lemah dan berada di kedudukan 4.33 berbanding satu dolar Amerika, sehingga jam 5.00 petang, pada 8 September lalu.

Ringgit juga pernah diikat pada harga 3.8 sedolar pada 1998 ketika krisis kewangan Asia.

Kadar pertukaran matawang Malaysia paling teruk merosot tahun ini susulan kontroversi syarikat pelaburan negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

The Wall Street Journal (WSJ) melaporkan kira-kira AS\$700 juta (RM2.6 bilion) daripada pelbagai badan dikaitkan dengan 1MDB disalurkan ke akaun bank perdana menteri, pada 3 Julai lalu.

Biro Pelaburan dan Perdagangan-an PKR, Wong Chen sebelum ini berkata nilai eksport negara



tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang bermakna walaupun dengan penyusutan nilai ringgit.

"Untuk tempoh separuh pertama 2015, jumlah eksport negara hanya RM368 bilion iaitu RM 12 bilion lebih rendah daripada tempoh ya sama 2014 (RM380 bilion). Ini berlaku walaupun ringgit bernilai 11 peratus lebih rendah pada separuh pertama tahun ini berbanding separuh

pertama 2014. Katanya, penemuan itu amat membimbangkan kerana bertentangan dengan tahun sebelumnya.

"Ringgit yang enam peratus lebih rendah pada separuh pertama 2013 menghasilkan pertambahan nilai eksport RM42 bilion untuk separuh pertama 2014 berbanding separuh pertama 2013,"katanya.

JOM DAFTAR! KURSUS KEMAHIRAN

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI NEGERI SELANGOR

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

[KURSUS KEMAHIRAN JANGKA PENDEK]

Dengan Kerjasama :-

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

1. Pemohon lahir di Negeri Selangor ATAU telah bermastautin lebih daripada 10 tahun di Negeri Selangor.
2. Umur semasa mendaftar sekurang-kurangnya 17 tahun ke atas.
3. Berminat dan bersedia untuk menamatkan kursus mengikut modul yang telah ditetapkan.

TEMPAT	MASA	HUBUNGI
KOLEJ ANTARABANGSA INPENS, JALAN SEMARAK, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	10.00 PAGI - 5.00 PETANG *SARAPAN DISEDIAKAN	PEJABAT DAERAH UNTUK MAKLUMAT LANJUT
Tarikh Kursus	Modul	
8 & 9 Ogos 2015 (Sabtu & Ahad)	1. Program Motorsikal	
3 & 4 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)	2. Program Dandan Rambut	
10 & 11 Oktober 2015 (Sabtu & Ahad)	3. Program Penyelidikan & Penyamanan Udara	
	4. Program Jahitan	
	5. Program Kecantikan	

TEMPAT	MASA	HUBUNGI
INSTITUT TEKNOLOGI KULINARI ANJUNG UTARA KAMPUNG DESIR TENGAH, KUALA KUBU BHARU SELANGOR DARUL EHSAN.	10.00 PAGI - 5.00 PETANG *SARAPAN DISEDIAKAN	PEJABAT DAERAH UNTUK MAKLUMAT LANJUT
Daerah	Tarikh Kursus	Modul
Gombak	17 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Arab dan Set Lauk Arab
Kuala Langat	18 Ogos 2015 (Selasa)	Roti Canai dan Murtabak
Klang	19 Ogos 2015 (Rabu)	Nasi Ayam Hainan
Hulu Selangor	20 Ogos 2015 (Khamis)	Ayam Penyet dan Pecal Lele
Kuala Selangor	22 Ogos 2015 (Sabtu)	Cendol dan Aneka Rojak
Petaling	23 Ogos 2015 (Ahad)	Aneka Mee dan Soto
Sepang	24 Ogos 2015 (Isnin)	Nasi Lemak Bungkus dan 15 Lauk Pauk
Hulu Langat	25 Ogos 2015 (Selasa)	Makanan Jajaan
Sabak Bernam	26 Ogos 2015 (Rabu)	Frozen Food dan Makanan Dingin Beku

Kaji syarat had pendapatan Rumah Selangorku



OLEH LIZAWATI MADFA

KUALA SELANGOR - Syarat pendapatan isi rumah bagi permohonan Rumah Selangorku sedia dikaji sehingga RM10,000 sebulan bagi memenuhi permintaan tinggi rakyat, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, pertimbangan itu juga sesuai dengan nilai ringgit yang semakin menyusut berbanding dolar Amerika.

"Dalam sesi perbincangan bagi menggubal Belanjawan 2016 dengan kumpulan sasaran baru-baru ini, sudah ada

permintaan supaya menyamak kriteria dan kelayakan rumah mampu milik.

"Bermakna, orang yang berpendapatan sederhana dan menengah juga mahu mendapatkan rumah ini kerana permintaannya semakin mendesak. Kita sedia mengkaji permintaan itu," katanya.

Terdahulu, beliau menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Pendaftaran Rumah Selangorku Idaman PKNS Kota Puteri, di sini, pada 8 September lalu.

Hadir sama Exco Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk

Iskandar Abdul Samad; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman dan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Azlan Alifiah.

Sebanyak 4,471 unit Rumah Selangorku Idaman Kota Puteri dijangka siap sepenuhnya pada 2023 membabitkan fasa pertama pembinaan akan bermula pada 2016 diikuti kedua (2018) dan ketiga (2021).

Terdapat dua jenis pembangunan iaitu berstrata tinggi dan rumah teres dua tingkat dengan harga antara RM42,000 sehingga RM250,000.

Peranan DEIG dan MBI lebih jelas

SHAH ALAM - Penubuhan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) adalah untuk memastikan struktur dan peranan Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) lebih jelas dan efisien sekaligus menyumbang secara signifikan kepada kerajaan Negeri.

Ketua Pegawai Operasi (MBI), Soffan Affendi Aminudin, berkata MBI dapat memberi lebih tumpuan kepada aspek pembangunan sosial rakyat melalui program seperti Hijrah, YAWAS dan Wifi Selangorku apabila DEIG beroperasi sepenuhnya pada suku pertama tahun hadapan.

"Tujuan penubuhan DEIG semestinya bagi memaksimumkan pelaburan strategik dalam kalangan anak syarikat MBI selain memperkasa dana kekayaan negeri.

"Seterusnya, hasil yang diperoleh akan digunakan semula bagi menjana pembangunan negeri dalam konteks Selangor melalui peranan yang akan dimainkan MBI sendiri," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi yang membangkitkan keperluan mewujudkan DEIG di bawah MBI.

Budiman berkata, penubuhan DEIG akan menyebabkan pertindihan peranan antara MBI dan DEIG melalui rancangan temubual Soal Jawab di TV3, pada 3 September lalu.

Bagaimanapun, Soffan berkata penubuhan kumpulan itu akan menjadikan MBI lebih efektif menguruskan program kebajikan rakyat, manakala DEIG sebagai syarikat induk pelaburan memfokuskan kepada proses rasionalisasi dan konsolidasi.

"Di dalam memacu objektif



Soffan Affendi

ini, sudah pasti salah satu elemen yang penting adalah aspek tadbir urus korporat dan ketelusan. Bagi kami, 'corporate governance' adalah satu elemen yang sangat penting untuk memastikan penciptaan nilai yang mampan," katanya.

Budiman turut mempersoalkan kewajaran meletakkan dua pengurusan kanan MBI ke dalam DEIG sebagai ahli lembaga pengarah.

Mengulas isu itu, Soffan berkata, ia adalah langkah untuk melaksanakan proses diagnostik di peringkat anak syarikat bagi tujuan perancangan strategik DEIG.

"Proses rasionalisasi dan konsolidasi adalah satu perjalanan yang tidak berlaku sekelip mata juga semudah di-sangka. Pada peringkat ini, kami perlu terlibat secara langsung dalam DEIG untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan, ancaman serta peluang untuk setiap GLC.

"Pada masa sama, kita juga giat mengadakan 'talent acquisition' bagi memastikan golongan profesional terlatih meneruskan agenda ketelusan dalam pengurusan DEIG," katanya.

HIJRAH tubuh koperasi lonjak pendapatan

KAPAR - Program Hijrah mengorak langkah setapak lagi dengan menubuhkan Koperasi Warga Hijrah Selangor yang dijangka dilancarkan, pada November ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mansor Othman, berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat penaja seterusnya melantik jawatankuasa sementara dalam masa terdekat.

"Kita baru mendapat kelulusan penubuhan koperasi. Surat sudah

diterima. Langkah seterusnya memanggil penaja seterusnya lantikan jawatankuasa sementara," katanya kepada Selangor Kini.

Mansor berkata, 56 koperasi di setiap DUN bakal digabungkan melalui koperasi induk bagi menjalankan kerja peruncitan melalui penubuhan koperasi terbabit.

"Ia membabitkan penubuhan pasaraya dan pasar mini. Kita juga menguruskan Bazar Hijrah yang diuruskan koperasi, selain

sentiasa berusaha membantu usahawan di Selangor untuk mengembangkan perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata, Hijrah juga bekerjasama dengan Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) melalui pinjaman dan bimbingan.

"Angkasa turut menawarkan bimbingan selain modal. Jadi, kita akan dapatkan kerjasama dengan mereka," katanya.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

RESIDENCE
Citrina 3
 BERNAM JAYA

RUMAH KLUSTER 2 TINGKAT



HARGA DARI **RM297,551**

- ◆ Setiap unit adalah unit tepi dengan bukaan saiz lot 42' lebar
- ◆ Ruang tamu dan dapur yang praktikal
- ◆ Akses mudah ke rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan dan Jalanraya Tanjung Malim-Rawang
- ◆ Dikelilingi prasarana membangun seperti sekolah, hospital, pusat komersil dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
- ◆ Pengudaraan dan pencahayaan yang baik
- ◆ Laman yang luas



KOORDINAT GPS : N3 39 27 E101 32 12 www.pkns-property.com

50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisasi Impian

PKNS

016 251 0113 013 939 0310 013 393 8183
 019 269 7641 013 342 1098 019 303 4342

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik, 40555 Selangor Darul Ehsan • No. Lesen Perniagaan: 9062-6401-201691(E) • Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2016 • No. Permit Pengiklanan: 9062-6401-201691(P) • Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2016 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor • No. Kelulusan Pelan Bangunan: (B) dm.MOH.S.431129/11/002-B bertarikh 18/8/11 • Bebanan Tanah: Tiada • Status Hakmilik: Pajakan 99 tahun bermula pada 24 April 2107 • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2013 • Bilangan unit: 78 unit • Harga (Minima): RM396,840 (Maksimum): RM595,353 • Seksyen Kepingatan Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindahmiliki, dipajak atau dipagal melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Informasi yang terkandung dalam iklan ini bertitik kepada perubahan dan tidak boleh dianggap sebahagian daripada sesuatu tawaran atau kontrak. Pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan jika terdapat sebarang butiran yang tidak tepat. Semua ilustrasi adalah gambaran pelukis sahaja.

Lebih banyak ruang ekonomi dan pelaburan baharu

Selangor mampu jana pendapatan untuk rakyat

Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor memainkan peranan penting dalam memacu penilaian pembangunan dan pelaburan di Selangor. Pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan segala program dan dasar direncanakan berjalan lancar. Ikuti lebih lanjut fungsi dan gerak kerja Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor melalui temuramah yang dijalankan **Wartawan Selangor Kini, Hafizan Taib bersama Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Fahmi Ngah.**

Q&A

Boleh terangkan fungsi Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor?

Pejabat ini ditubuhkan pada 2009 bermula sebagai agensi yang menasihati Dato' Menteri Besar pada ketika itu (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) dan ia diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim. Saya memulakan tugas tahun lalu dengan menjalankan fungsi sama iaitu menilai pembangunan dan pelaburan di Selangor serta menasihati Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam isu dasar berkenaan pentadbiran dan hala tuju Kerajaan Negeri.

Bagaimana perkembangan dan pencapaian setakat ini?

Hubungan bersama Kerajaan Negeri dan pejabat Dato' Menteri Besar baik dan akrab. Kita terabit dalam banyak perkara iaitu menasihati dalam perkara berkenaan pembangunan hartanah dan penstrukturan semula air di Selangor. Baru-baru ini, kita juga diminta berkongsi idea dan kepakaran dalam soal pengurusan sisa pepejal juga sampah, maka kita bergerak bersama dengan pengurusan Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) bagi memastikan program serta dasar yang direncanakan dapat dijalankan.

Apa perancangan Dr bagi menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini?

Pertama, kita melihat kepada struktur ekonomi Selangor iaitu daripada segi pendapatan negeri. Sebelum ini, kita lihat 45 peratus daripada pendapatan Selangor hanya bergantung kepada harta-



nah. Pada masa ini, ia agak membimbangkan kerana dua perkara iaitu permintaan terhadap pasaran hartanah agak tepu iaitu harga tidak naik serancak dahulu. Ia mengakibatkan penurunan harga ekoran bekalan yang banyak dan permintaan berkurangan.

Manakala satu lagi ialah hartanah dimiliki semakin susut dan negeri tidak boleh terus bergantung kepada hasil sedemikian.

Kita perlu melihat ruang ekonomi dan pelaburan tertentu dalam beberapa bidang strategik serta baharu bagi menjana lebih banyak pendapatan untuk Kerajaan Negeri yang boleh disumbangkan kembali kepada rakyat Selangor. Contohnya kita lihat kepada pembinaan industri penjagaan kesihatan di Selangor apabila ada agensi Kerajaan Negeri lain seperti KPJ Healthcare Berhad (KPJ) dari Johor yang bertapak di negeri ini.

Mengapa Selangor tidak buat sendiri kerana kebanyakan pelanggan KPJ itu adalah rakyat negeri ini. Jika menceburi bidang ini, kita boleh menjana

pendapatan baharu untuk negeri dan hasilnya boleh disalurkan semula dalam program pembangunan rakyat seperti Rumah Selangorku, bahkan Dato' Menteri Besar mengumumkan Kerajaan Negeri akan menanggung bayaran pendahuluan pembelian rumah berkenaan.

Kita juga melihat dalam pengurusan sampah seperti inisiatif pemberian tong sampah percuma selain menaik taraf kualiti perkhidmatan di Selangor yang memerlukan hasil pendapatan baharu.

Dr menjangkakan kejatuhan nilai ringgit akan berlaku dalam tempoh berapa lama?

Kejatuhan nilai ringgit memang sesuatu yang membimbangkan kerana ia bermula hujung tahun lalu hingga kini. Kalau dilihat nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) ketika ini menyusut lebih kurang 22 peratus iaitu USD1 bersamaan RM4.28 iaitu perbezaan ketara dengan kadar RM3.50, pada Januari lalu.

lagi begitu juga di Jordan.

Jika dilihat, nilai ringgit bukan hanya susut berbanding dolar AS tetapi juga matawang antarabangsa lain seperti pound sterling apabila sudah susut dalam 23 peratus, dolar Singapura (15 peratus), yuan China (18 peratus) serta timur tengah termasuk Arab Saudi apabila rakyat Malaysia yang pergi menunaikan ibadah haji terpaksa menanggung kesan ringgit yang menyusut 22 peratus berbanding matawang negara berkenaan.

Bukan hanya mereka yang pergi melancong atau pelajar di negara Barat terkesan dengan kejatuhan ringgit tetapi mereka yang menuntut di timur tengah juga menghadapi situasi sama.

Penyusutan ini dijangka akan berterusan kerana masih tiada langkah diambil kerajaan untuk mengekangnya. Maklumat yang diperoleh daripada perbankan tempatan dan antarabangsa juga menjangkakan nilai USD1 bersamaan RM5 akan berlaku, bahkan tidak mustahil mungkin lebih susut lagi dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Jika dahulu, kita lihat penyusutan itu berlaku akibat pengukuhan nilai dolar AS apabila dalam dua ke tiga tahun lalu memberikan kadar faedah rendah bagi pendeposit di AS. Itu membantu menaikkan ekonomi AS daripada segi pelaburan asing. Disebabkan faktor itu berlaku, satu keadaan yang menyebabkan kerajaan AS berpandangan tiba masanya untuk mereka naikan kadar faedah dan perkembangan itu membuatkan pihak lain merasakan adalah bagus jika mendepositkan wang simpanan mereka ke bank AS. Maka, satu dunia berpusat kembali kepada AS dan dolar akan kukuh. Itu yang berlaku mutakhir ini.

Seterusnya dalam tempoh terdekat, di China berlaku kejatuhan pasaran saham yang drastik iaitu 45 peratus. Ia mengakibatkan kerajaan China terpaksa mengambil langkah bagi menyokong kembali pasaran sahamnya. Itu dilakukan dengan menyusutkan nilai mata wang China sendiri. Nilai ringgit sudah susut berbanding dolar AS dan apabila nilai yuan China juga

susut mengakibatkan eksport kita menjadi tidak kompetitif berbanding negara itu. Di sini, berlaku faktor kedua yang menekan nilai ringgit untuk menyusut ke tahap lebih rendah.

Faktor lain kerana pergantungan Malaysia kepada hasil minyak dan gas sebagai sumber pendapatan negara iaitu 30 peratus. Kerajaan Persekutuan menyedari keadaan ini dan merancang untuk mengurangkannya kepada tahap lebih rendah kira-kira 20 peratus menjelang 2020. Kebergantungan ini tertakluk kepada harga pasaran minyak mentah di pasaran antarabangsa yang dilihat sudah susut awal tahun ini dan dijangka terus menyusut.

Manakala, faktor lain adalah krisis kepimpinan apabila di negara kita ada pihak (Perdana Menteri) mempunyai kuasa mutlak bagi membuat pelbagai keputusan yang mengundang gusar kepada pelabur asing. Indonesia dan Thailand juga menghadapi nilai mata wang menyusut tetapi kadar penyusutan nilai ringgit amat ketara dan membimbangkan. Kita perlu melihat faktor ini sama ada terima dan kekalkan keadaan atau buat perubahan supaya keadaan boleh diubah.

Satu lagi ialah rezab antarabangsa negara yang kita istilahkan 'short term external debt' (hutang luaran jangka pendek) yang perlu diselesaikan dalam tempoh 12 bulan atau lebih awal. Akibat penyusutan nilai ringgit dan keperluan Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini untuk menyelamatkannya menyaksikan penyusutan rezab negara kepada RM94.5 bilion berbanding dahulu iaitu 'peak'nya RM130 bilion paling tinggi. Bila rezab ini menyusut dan berlaku satu lagi krisis ekonomi global bermaksud ketahanan untuk berdepan krisis begini semakin kurang.

Jika krisis kepimpinan dan ekonomi tidak ditangani dengan berkesan, pihak yang menanggung beban adalah rakyat.

Selangor menikmati pertambahan jumlah rezab negeri tetapi dengan keadaan ekonomi yang merudum, adakah bakal berlaku penurunan pendapatan selepas ini?

Ada kemungkinan, jika kita lihat struktur ekonomi Selangor dengan 45 peratus pergantungan kepada hartanah. Jika dahulu, aset bernilai tinggi di negeri ini banyak dibeli pelabur luar seperti China dan Singapura. Dengan berlaku penurunan nilai yuan di China, ekonomi negara itu akan menyusut dan rakan dagang terbesarnya



adalah Singapura yang akan terkesan. Rakan dagang terbesar Malaysia juga Singapura diikuti Jepun, Kesatuan Eropah dan China. Dengan berlaku penurunan di China, maka nilai eksport Malaysia akan jatuh kerana permintaan kurang.

Akibatnya, pendapatan di Pelabuhan Klang mungkin akan kurang dan kadar pembelian hartanah bernilai tinggi di Selangor juga akan kurang. Pasti akan terkesan. Di Selangor, banyak sektor pembuatan, maka dengan kos yang meningkat akan memberikan impak terhadap industri ini.

Apabila mencorakkan perbelanjaan negeri tahun hadapan, kita mesti melihat bagaimana cara terbaik untuk menjana pendapatan yang lebih mampan dan perbelanjaan semula bagi memastikan rakyat menerima kesan yang minima atau kurang dengan cara membantu daripada sudut perbelanjaan harian atau pemberian subsidi.

Dengan kurangnya pelaburan di Selangor akan mendatangkan kesan kepada rakyat seperti kehilangan pekerjaan, adakah ada usaha menangani masalah ini seperti menyediakan ruang dan bantuan kepada mereka menceburi industri perniagaan?

Ia memang betul. Bagi golongan pekerja ada kebarangkalian pekerjaan semakin kurang dan jika dilihat ramai graduan universiti juga berusaha menjadi usahawan. Apa dilakukan Kerajaan Negeri ialah mewujudkan insentif bagi menggalakkan orang ramai dan graduan baharu untuk menceburi bidang keusahawanan seperti skim HIJRAH dan kemudahan penyediaan wifi percuma dengan tambahan 2,500 hotspot baharu menjelang hujung tahun ini. Bagi usahawan yang ingin memasarkan produk, tidak menghadapi masalah dengan kos pemasaran apabila tersedia perkhidmatan wifi percuma dengan ruang pasa-

ran luas hingga seluruh dunia.

Kita harap dengan suntikan dana, skim serta bantuan akan ditambah, maka akan lebih banyak kemudahan dapat diberi selain lebih ramai usahawan dapat dilahirkan di Selangor dengan produk berkualiti.

Peluang itu ada, contohnya jika dilihat di AS seperti syarikat Apple dan Google apabila infrastrukturnya hanya komputer dan kreativiti tetapi mampu menjana ekonomi, bahkan Silicon Valley berkembang pesat dan sebetulnya menjana ekonomi AS sekarang. Mengapa kita tidak melakukannya di Selangor dan Malaysia, sedangkan pelaburannya cukup rendah tetapi nilai pulangan tinggi.

Menjurus ke arah itu, Kerajaan Negeri sedang melihat model seperti mewujudkan kluster ekonomi baharu (new economic clusters) iaitu akan terdapat ekosistem bagi menggalakkan pertumbuhan industri kreatif sebegitu di Selangor. Kita sedang mengenalpasti tapak dan sumber baharu.

Berlaku krisis kepimpinan di peringkat pusat, apa contoh boleh diberikan Selangor bagi meyakinkan dan meraih sokongan rakyat?

Memang berlaku situasi itu sekarang dan jika dilihat agak pelik kerana Pakatan Rakyat (Pakatan) meraih undi popular 52 peratus, manakala Barisan Nasional (BN) 47 peratus tetapi mereka yang naik selaku pentadbir. Kini, mood rakyat memang agak menolak BN.

Kalau boleh dikaitkan dengan pentadbiran Selangor, kita berpeluang menunjukkan kepada rakyat dan pusat yang Pakatan mampu mentadbir. Saya mengingati pesanan Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu jika mahu mengambilalih pentadbiran, kita perlu mempunyai kerajaan hanya lebih sedikit baik daripada BN.

Bermakna, kita perlu melihat kepada perubahan yang total,

menyeluruh dan holistik. Ini kita cuba bawa di Selangor. Kini, kita lihat ada kepimpinan diketuai Dato' Menteri Besar yang prihatin kepada kehendak rakyat dengan lebih mendampingi mereka termasuk program terjah dibuat secara berterusan. Dato' Menteri Besar mahukan perubahan terutama berkenaan masalah sisa pepejal dan sampah yang kita lihat akan adanya penambahbaikan di situ.

Kedua, Selangor adalah kuasa ekonomi utama di Malaysia dengan sumbangan 23 peratus bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kita perlu menambah sumbangan itu dan menyiapkan infrastruktur lebih baik bagi menaikkan pendapatan rakyat selain kualiti kehidupan lebih baik.

Bagaimana peluang pelaburan di luar bagi Selangor? Ia dijangka bertambah atau bagaimana?

Pelaburan di luar negara bukan melabur atau membawa ringgit keluar dari negara. Kita tidak buat begitu kerana ia akan menyebabkan kejatuhan matawang. Ia perlu dilakukan secara betul dan bukan seperti 1Malaysian Development Berhad (1MDB). Kita tidak akan buat begitu.

Ia satu perkara yang perlu dilihat secara serius iaitu Selangor dengan ruang dan pasaran terhad. Kita perlu melihat model seperti membuat satu hab teknologi yang besar cetusan idea Datuk Teng Chang Khim contohnya hab halal di Selangor. Kedudukan Malaysia daripada segi perdagangan antarabangsa memang baik, maka kita lihat terdapat banyak produk China, Filipina dan negara lain cuba untuk menembusi pasaran timur tengah tetapi tidak boleh kerana tiada pengesahan sijil halal.

Selangor berpeluang melakukan dengan berperanan sebagai pihak pelaksana. Ini bermakna

kita tidak melabur di luar tetapi mendapat pendedahan kepada perdagangan antarabangsa. Ia satu model menarik yang boleh diguna pakai.

Kedua, kita juga boleh melihat kepada sektor perkhidmatan menggunakan kos infrastruktur yang rendah. Di Malaysia sendiri banyak data diperolehi dari telefon pintar contohnya 'data management' dan perkhidmatan sebegini boleh dibuat di sini. Di Bangalore, India kebanyakannya terbabit dalam sektor seperti ini dengan hanya memerlukan ruang operasi terhad.

Selain itu, kita juga mengkaji kewujudan 'mega city' iaitu pusat bandar berskala besar yang membolehkan setiap pihak atau individu berhubung. Kita wujudkan jaringan data bagi tujuan berkenaan. Ia akan mengatasi masalah kesesakan trafik yang dihadapi pengguna ketika ini.

Selangor adalah destinasi pelaburan utama di Malaysia dan ia cabaran bagi kita untuk menyediakan setiap ruang bagi kemudahan semua pihak berminat.

Apa harapan Dr berkenaan pentadbiran Kerajaan Negeri dan perkara lain termasuk rakyat?

Kita lihat lebih banyak keterbukaan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri sekarang termasuk jalinan hubungan bersama Kerajaan Persekutuan dan pihak lain serta masyarakat yang menjadi lebih bagus. Amalan ini baik untuk perjalanan pentadbiran negeri dengan kita sentiasa terbuka untuk berkongsi pandangan dengan semua pihak dan rakyat. Jika rakyat ingin menyalurkan idea, mereka boleh terus berbuat demikian.

Ia memang baik dan jika kita boleh menunjukkan model pentadbiran baik kepada Kerajaan Persekutuan, maka ia memberi laluan mudah untuk kita ke Putrajaya.





▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha bersama penerima Food Bank iaitu 'Sumbangan Makanan Tangani GST' membabitkan agihan set makanan asas



▲ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad pada majlis penyampaian sumbangan DUN berkenaan bersama penghulu, penerima dan urusetia program terbabit



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan ketika program Safety Riding dan Tukar Minyak Hitam Percuma kepada golongan muda Sungai Chincin sempena Karnival Belia Merdeka 2015



▲ Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari bersama sebahagian peserta Kejohanan Piala Pusingan Merdeka 2015 di Bukit Subang, Seksyen U16, Shah Alam



▲ Adun Bukit Gasing, R Rajiv menghadiri Makan Malam Poh Tor di Seksyen 14, Petaling Jaya



▲ Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan menyertai acara santai minum pagi bersama Group Basikal Subang dalam Program Kayuhan Merdeka 2015



▲ Adun Balakong, Ng Tien Chee bersama penduduk dalam sesi dialog untuk memahami dengan lebih terperinci lagi permintaan dan pandangan mereka



▲ Adun Dusun Tua, Razaly Hassan menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Asas Kecemasan dan Trauma anjuran Jabatan Amal Malaysia di Sungai Congkak, Hulu Langat



▲ Adun Hulu Kelang, Saari Sungib menghadiri program santai dan sarapan bersama 'Geng Lori' di Pasar Pagi Taman Keramat AU2A

AMANAT TERPENTING BALAI MAQAMAT AFFANDI HASSAN

OLEH NAJIBAH ABU BAKAR

Usaha Affandi Hassan mengadaptasi bentuk maqamah daripada kesusasteraan Arab-Islam Andalusia sebagai alat untuk membawa Gagasan Persuratan Baru, satu percubaan tulen dan idea yang segar.

Meskipun dianggap antara fenomena kesusasteraan Arab klasik paling popular di luar tanah Arab, namun inilah pertama kali bentuk itu dibawa ke dalam kesusasteraan tanah air.

Balai Maqamat (2014) mengisahkan seorang editor yang menerima manuskrip yang disifatkan luar biasa daripada seorang pengarang, kerana ia dihidang dalam ben-

LANGGAH

Di antara mereka yang celik siapa yang masih ingin melangkah dengan dahaga sekali percikan liur dan serakahmu?

Denai yang ditebas bertahun-tahun akhirnya membawa kita menemui kehampaan.


Jangan perintahkan aku untuk berhenti mempertanyakan dari mana datangnya kelazatan hidupmu. Jangan memaksa aku untuk mentaati kecelakaanmu. Kerana aku sudah letih berjalan dengan resah membawa beban perasaan yang sepatutnya sudah lama dilenyapkan.

Tanah ini tak seharusnya bergantung nasib ditanganmu. Berhenti ajari aku bagaimana untuk melihat malam, atau siang yang menyilau bersama matahari garang membakar rentung hati mereka-mereka yang masih terluka.

Setiap kata-katamu kini adalah dusta. Dan wajahmu tak lebih molek daripada sekerat tapak kaki berkematu ibuku.

Pertanyaan terakhirku selepas diminta diam; Siapa yang mencengkam telurmu?

**HAFIZ HAMZAH,
PJ.**



tuk kesusasteraan yang belum pernah diaplikasi dalam mana-mana karya tempatan iaitu maqamah.

Melalui sudut pandang si editor, kita diajak membaca manuskrip itu sebagai penilai kritis. Inti utama manuskrip adalah komentar mengenai budaya intelektual, politik dan kehidupan sosial yang kian parah di negara kita.

Bukan untuk memperkatakan mengenai komentar kemasyarakatan yang dilontar dalam buku itu mahupun menilai sejauh mana keberkesanan komentar yang disampaikan hasil mengambil bentuk maqamah.

Kerana ada pertanyaan lebih mendasar dan meluas daripada itu, iaitu apakah niat utama pengarang memperkenalkan bentuk maqamah kepada khalayak pembaca Malaysia?

Adakah pengarang memperkenalkan maqamah semata-mata kerana beliau menganggap bentuk kesusasteraan sedia ada gagal menyampaikan mesej terpenting sesebuah karya?

Jika ya, maka bentuk maqamah terhenti sekadar suatu bekas baru yang lebih sesuai untuk mengisi hidangan yang selama ini dihidangkan dengan cara kurang berkesan.

Jika sebaliknya, apakah pula matlamat pengarang yang lebih penting daripada itu? Boleh jadi bekas hidangan yang dipilih oleh pengarang bukan sekadar untuk mengujakan atau mencari kesesuaian, tetapi membawa simbolik budaya yang jauh lebih bermakna.

Pada persimpangan ini, kita harus teliti sejarah maqamah seperti yang dijelaskan dalam *The Literature of al-Andalus* (2000) yang disusun oleh Menocal. Maqamah adalah perkataan bahasa Arab (jamaknya maqamat), yang dalam bentuk kata akarnya bermakna 'dia berdiri'.

Berdiri dari segi istilah di-hurai sebagai berdiri dalam sebuah diskusi atau perbincangan ilmiah untuk menyampaikan atau berkongsi ilmu atau pendapat.

Bentuk maqamah dikatakan muncul bertitik-tolak dari budaya perbincangan ilmiah secara lisan dalam kalangan ilmuwan Arab, yang biasa berlangsung dalam balai istana, rumah pembesar dan tempat awam.

Sejarah perbincangan ilmiah tertanam kukuh dalam budaya ilmu yang dibawa Islam.

Dr Ahmad Shalaby dalam bukunya berjudul *History of Muslim Education* (1979) menerangkan bahawa telah menjadi kebiasaan bagi empat Khalifah terawal Islam untuk ditanya oleh rakyat mengenai hal bersangkutan agama dan pemerintahan dalam majlis terbuka dan tertutup yang turut dihadiri para sahabat.

Dalam majlis itu, apabila khalifah tidak dapat memberi jawapan berdasarkan ilmu yang mereka miliki, maka nasihat para sahabat akan ditanya untuk dijadikan sandaran.

Berasaskan model itulah, budaya perbincangan ilmiah kian subur dalam budaya Arab-Islam dan mencapai kemuncaknya pada zaman dinasti Abbasiyah.

Para sultan berlumba-lumba menjemput kelompok ilmuwan untuk membincangkan pelbagai polemik ilmiah semasa di istana. Jejak itu segera dituruti para pembesar di rumah mereka, sehingga ke peringkat rakyat jelata budaya ini menjalar ke pasar-pasar.

Malah perbincangan ilmiah seumpama itu, pernah dibuku dalam kitab *al-Imta' wal-Mu'anasah* oleh Abu Hayyan al-Tawhidi

(meninggal pada 1009M), bersumberkan diskusi yang berlangsung di rumah Ibn Sa'dan, seorang menteri di bawah pemerintahan Samsan-al-Daulah.

Yang membezakan bentuk maqamah dengan bentuk kesusasteraan lain sebelum ini, adalah kerana ia memperkenalkan watak fiksiyen, sesuatu yang asing dalam budaya Arab-Islam sebelumnya.

Sejak pertama kali dihasilkan secara improvisasi oleh Badi' al-Zaman al-Hamazani (967-1008M) dalam majlis perbincangan ilmiahnya, ia terus dikembangkan oleh ramai pengarang lain dengan kemuncaknya adalah karya dihasilkan al-Hariri (1054-1122M).

Jelaslah, daripada singkapan sejarah kesusasteraan bentuk maqamah, usaha pengarang Affandi Hassan membawanya ke dalam kesusasteraan tanah air bukanlah semata-mata kerana ingin mencipta hidangan bentuk baru untuk mengujakan khalayak, mahupun mencari kesesuaian bentuk untuk menghidangkan komentarnya dengan lebih berkesan.

Tujuan utama Balai Maqamat adalah untuk membuka mata masyarakat mengenai budaya maqamah dan perbincangan ilmiah secara lisan yang begitu asing di negara kita terutama dalam keadaan ilmuwan dan rakyat terpaksa bersuara di hadapan pemimpin negara dan pembesar.

Inilah amanat terpenting yang ingin disampaikan oleh Affandi Hassan melalui Balai Maqamat.

OLEH HANIFF YUSOFF

Benar, saya suka membilang titis-titis hujan. Ketika guruh sudah memberi petanda, saya lekas-lekas menunggu di sisi jendela. Sertainya saya seakan menanti hadirnya kekasih pujaan. Begitu lah umpamanya antara saya dan titis-titis hujan. Sukar untuk saya ungkapkan hubungan ini tetapi memberi saya inspirasi dalam membentuk peribadi.

Saya menguakkan sedikit jendela agar ada ruang untuk saya menikmati titis-titis hujan yang luruh sambil membilangnya dengan senang hati.

Rentaknya yang mengenai lantai bumi terasa seperti sebuah melodi. Saya hadami, saya rasai setiap titis. Saya membilangnya tanpa sebarang rasa sangsi kerana hujan ini asli kurniaan Ilahi.

Bunyinya seperti aneh atau mungkin juga lucu atau mungkin kedengaran seperti perilaku yang sia-sia, tetapi siapakah anda yang hendak menentukan kecintaan saya terhadap apa yang saya lakukan? Bukankah setiap daripada kita punya citarasa berlainan?

Jangan pernah sesekali mempertikai atau memperlekehkan. Apatah lagi tentang masing-masing punya kehidupan dan cukuplah sekadar kalian tahu bahawa perbuatan saya ini tidak berdosa di sisi Tuhan. Saya harap tiada yang tersinggung dengan kenyataan saya ini. Saya bukannya marah, cuma nasihat sahaja.

Entah, saya tidak menyedari sejak bila saya menanam rasa gemar membilang titis-titis hujan yang luruh ke bumi secara tepatnya. Tetapi seingat saya, saya mula membilang titis-titis hujan ketika ayah mula jatuh sakit tanpa pernah kami sekeluarga menduga.

Segalanya berlaku dalam sekelip mata. Saya masih ingat perasaan ketika itu antara sadar dan mimpi. Berkali-kali saya mencubit pipi dan memujuk hati agar menerima kenyataan yang berdiri di hadapan saya sebagai sebuah ilusi.

Mungkin juga roh saya sedang berada di alam mimpi. Begitulah harapnya. Hakikatnya, saya terlupa langit tidak selalunya cerah. Malam itu saya memandang langit, dan air mata saya menitis tanpa henti.

Ayah saya diserang strok ketika usianya lagi seminggu hendak mencapai 53 tahun. Pernah dengar akan penyakit itu? Ayah saya hilang keupayaan pada bahagian anggota sebelah kanan. Apalah daya saya sebagai seorang anak untuk menghalang



segalanya daripada terjadi.

Waktu itu perasaannya seperti rebah dari tempat yang tinggi. Sakitnya tidak terungkap. Degupan jantung tiba-tiba berdetak kencang. Saya memandang mata emak yang begitu tenang menghadapi situasi, tetapi melalui

Memandang redup wajah emak, membuatkan hati saya tiba-tiba hiba. Begitu tabah dirinya melalui perjalanan kehidupan sebagai seorang wanita. Emak tidak menitiskan air mata walaupun sekali. Tetapi awan di luar seakan memahami hati kami, hujan turun penuh syahdu.

Saya memandang hujan yang turun melalui jendela berdekatan dengan katil yang menempatkan ayah. Saya memandang penuh asyik dan dalam masa yang sama ayah sedang sedaya upaya menggunakan tangan kirinya menyuap nasi ke mulut menggunakan sudu.

Saya mengalih pandangan semula pada titis-titis hujan yang turun, lalu saya menebarkan persoalan pada Yang Maha Penciptakan. "Tuhan, ujian inikah tanda kasih sayang-Mu?"

Kata-kata ayah tidak lagi teratur. Seakan-akan aksara yang diungkapkan berterabur. Dalam keadaan mulutnya yang herot, ayat kelihatan begitu susah untuk menikmati makanan dan berbicara. Sebak rasanya hati apabila melihat ayah menyuapkan nasi ke mulutnya.

Pasti ada butir-butir nasi yang

tidak dapat memasuki ke dalam mulutnya sebaliknya berlabuh di pinggir bibir. Dalam diam, saya terus memujuk hati agar tidak menjelmakan kerisauan dan kesedihan di hadapan ayah.

Saya tabahkan diri mengambil tuala basah mengelap bibir ayah. Butir-butir nasi yang melekat di pinggir bibirnya, saya buang. Bila terasa air mata saya seakan meronta-ronta mahu keluar, saya mengalih pandangan pada jendela, melihat kembali titis-titis hujan yang adakalanya seperti sedang menari-nari di luar sana.

Mungkin ketika itulah saya mula memupuk rasa cinta untuk membilang titis hujan kerana sejak petang itu, setiap hari saya menanti hujan menitis lagi.

Saya hanya mampu membilang titis-titis hujan dengan menggunakan jari sahaja. Saya tidak menggunakan sebarang alat kira elektronik dan janganlah tanya pada saya akan jumlah titis-titis hujan secara keseluruhannya setiap kali bumi dicurah hujan.

Mahu tergelak saya dibuatnya nanti.

Semakin lama saya menceburkan diri dalam bidang membilang titis-titis hujan ini, saya semakin tahu akan arah tujuan kehidupan saya. Saya semakin menghargai segala yang saya ada. Biarpun serba kekurangan, biarpun ujian datang menimpa, saya tahu saya bahagia.

Jika ada yang melihat hujan sebagai konotasi negatif, saya pula merenung hujan dengan pandangan positif kerana selepas hujan akan tumbuhnya cendawan yang menjadi rezeki pada kami. Kami bukan orang senang, itu kami maklumi. Syukur, Tuhan Maha Mengasihani!

Setelah ayah sihat dan kembali boleh berjalan atas rahmat kasih Tuhan, saya masih setia membilang titis-titis hujan di sisi jendela kerana mula mengerti begitu jualah rahmat Tuhan yang tiada henti, cuma kita yang terlupa untuk mensyukuri.

Dan adakalanya ketika hujan turun, kita masih memilih untuk terus bermimpi bersama kedunginan yang menyelimuti. Oh Tuhan, ampunkan kami!

Semakin lama saya menceburkan diri dalam bidang membilang titis-titis hujan ini, saya semakin tahu akan arah tujuan kehidupan saya. Saya semakin menghargai segala yang saya ada. Biarpun serba kekurangan, biarpun ujian datang menimpa, saya tahu saya bahagia.

mata emak juga saya terlihat hatinya turut menangisi.

Saya maklumi dia juga seorang isteri yang mungkin tidak terfikir segalanya akan terjadi kerana dia selalu mengirimkan doa yang baik-baik sahaja untuk si suami. Begitulah sifat sang isteri sejati.

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

Pelengkap istana gah sejak 1924

Masjid Alauddin layak diiktiraf

OLEH NAEEM RAFFI

Masjid Alauddin di Jugra, Kuala Langat antara monumen sejarah Selangor yang masih kukuh berdiri sehingga hari ini.

Masjid Alauddin (Alaeddin) atau lebih dikenali sebagai Masjid Bandar dalam kalangan penduduk wilayah itu juga antara masjid tertua dan pernah menjadi Masjid Negeri di Selangor.

Ia dibina pada tahun 1918 dan dirasmikan pada 18 Jun 1924 dalam upacara gilang-gemilang dan kewujudannya juga adalah pelengkap kepada pembinaan bangunan Istana Alaeddin.


Namanya diberi sempena mengambil nama Almarhum Sultan Sir Alaeddin Suleiman Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa, Sultan Selangor ke-5 (1898-1938).

Menurut sumber, masjid yang mampu menampung 500 jemaah dalam satu masa itu dibina hasil sumbangan dana Sultan Alaeddin sendiri.

Reka bentuk unik bernilai tinggi

Reka bentuk timur tengah dan pengaruh seni bina Moghul dapat dilihat dengan jelas pada bahagian kubah masjid berusia 90 tahun itu.

Ia juga dikatakan menerima pengaruh seni bina Kerajaan Deli di Medan, Sumatera Utara. Hasil seni itu dapat dilihat pada ukiran-ukiran kayu yang menjadi hiasan sebahagian dinding dan silingnya.



Tiang seri dan seni ukir dinding serta mimbarinya pula diperbuat daripada kayu bermutu dan bernilai tinggi.

Bangunan utama masjid yang berkubah dikelilingi dinding tinggi bertingkap jeriji sementara di setiap sudutnya terdapat menara sederhana tinggi.

Di tengah dinding bahagian hadapan masjid pula, dibina menara azan bersegi delapan yang mempunyai dua aras tinjauan, berkubah keemasan di puncaknya.

Keseluruhan reka bentuknya ibarat kubu kota pertahanan yang mengelilingi sebuah istana raja.

Warisan Kebangsaan

Keunikan reka bentuk dan sejarah panjang ke-sultanan Selangor yang dimilikinya melayakkan monumen itu diisytihar sebagai Warisan Kebangsaan 2015 oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) pada Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia, 11 Ogos lalu.

Pengiktirafan itu adalah usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan demi memberi kesedaran kepada masyarakat dalam usaha melindungi agar keberadaan warisan negara terpelihara.

"Usaha sebegini yang dapat melindungi dan memulihara bangunan warisan di samping menjadi tarikan pelancong untuk datang serta menghayati keunikan lanskap beridentitikan karakter warisan setempat," kata Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz ketika berucap pada majlis itu.

Plak dan sijil pengisytiharan Masjid Alauddin sebagai Warisan Kebangsaan 2015 diterima sendiri oleh Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang turut dihadiri Pesuruhjaya Warisan JWN, Dr Zainah Ibrahim dan Pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Pelancongan dan Kebudayaan Perak, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi.

Sejak penubuhan JWN pada 2006, sebanyak 496 butiran diangkat sebagai Warisan Kebangsaan sehingga kini.

MDKL komited pulihara warisan sejarah

Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali mengakui walaupun terbatas daripada aspek kewangan, pihaknya sentiasa bersama mendokong usaha Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (Padat) dan agensi berkenaan melakukan pemuliharaan dan promosi.

"Kami tidak mempunyai peruntukan melakukan kerja pemuliharaan secara khusus tetapi sentiasa berusaha mencari alternatif melalui Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelancongan.

"Sebagai PBT, komitmen yang tinggi sentiasa diberikan dalam mempromosikan tempat bersejarah ini melalui pameran pelancongan, video korporat, risalah program dan laman web sama ada dalam atau luar negara," katanya.

Selain Masjid Alauddin, terdapat pelbagai tinggalan sejarah berada dalam wilayah seliaan MDKL membabitkan Muzium Insitu Jugra, stor simpanan peluru, Hatters Castle, Pulau Carey, Istana Bandar, Istana Long Putri Maimun, Istana Jugra, Makam Almarhum Sultan Abdul Samad, dan Tugu Peringatan Tentera India, Morib.

Merujuk Statistik Tourism Selangor, kehadiran pelancong domestik ke wilayah Kuala Langat meningkat lebih 3.6 juta pada 2014 berbanding 3.5 juta pada 2013.

Bagi pelancong asing pula, lebih 2.4 juta direkodkan pada 2014 berbanding 2013 iaitu kira-kira 3.12 juta yang memperlihatkan sedikit penurunan.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA,
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Negeri Selangor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dalam gred kategori dan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja – kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-47/2015 BGN	Cadangan Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan 1 Unit Pusat Penjaja Di Desa Pinggiran Putra Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	SPKK, CIDB G4, Pengkhususan B 04 ATAU B 24 dan UPEN	RM300.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **14 hb Ogos 2015** hingga **10 hb September 2015** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor- kontraktor atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Kontraktor-kontraktor adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama pegawai penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti tersebut :-
 - Tarikh : **18 hb Ogos 2015**
 - Masa : **10.00 pagi.**
 - Tempat Berkumpul : **Bilik Semarak, Tingkat 4, Majlis Perbandaran Sepang**
4. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **10 hb September 2015**. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bangunan (03-83190200 ext 353),Majlis Perbandaran Sepang,Persiaran Semarak Api,Cyber 1, 63200 Cyberjaya.
5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa - apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Kompaun tinggi masih gagal sedarkan masyarakat

Denggi, apa kesudahannya?

OLEH HAFIZAN TAIB

USAHA memerangi denggi terus dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam usaha memastikan wabak itu tidak berleluasa dan mencetuskan kebimbangan kepada masyarakat ekoran pertambahan kes saban hari.

Kerajaan Negeri yakin setiap kes dan pertambahan itu mampu ditangani dari semasa ke semasa melalui pelbagai program dan kempen dirancang walaupun Selangor mencatat angka tertinggi.

Laporan laman sesawang rasmi 'idengue' untuk komuniti di bawah kelolaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu <http://idengue.remotesensing.gov.my> menyenaraikan Selangor di kedudukan teratas dengan 45,211 kes daripada jumlah keseluruhan 81,861 kes terkumpul untuk tempoh 4 Januari hingga 2 September lalu.

Selangor turut mendahului negeri lain bagi kes harian iaitu 180 daripada 395 kes, pada 2 September lalu.

Situasi itu amat difahami kerana Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia menjadi tumpuan ramai dengan jumlah populasi tertinggi melebihi 5.5 juta orang.

"Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras dalam menangani isu denggi di Selangor. Namun, ia masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya," kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Katanya, usaha membanteras denggi semakin giat dijalankan sejak 2013 dengan kerjasama jabatan dan agensi termasuk jabatan kesihatan negeri juga daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Program Terjah dan Musnah Aedes Selangor juga dilancarkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dengan sasaran utama untuk membersihkan kawasan berpotensi menjadi pembiakan nyamuk aedes, pada 7 Februari lalu.

Keberkesanan program dapat dilihat melalui statistik kes denggi mingguan semakin menurun khususnya di daerah Petaling yang dikenal pasti sebagai llokasi yang mencatatkan kes tertinggi.

Berbanding pada 31 Januari lalu, denggi mencatat 1,025 kes, namun penurunan mula berlaku untuk tempoh 7 Februari hingga 9 Mei lalu iaitu daripada 955 kepada 331 kes dan hanya sedikit kenaikan

berlaku iaitu 376 kepada 505 kes (16 hingga 30 Mei).

"Kes ini semakin meningkat akibat pelbagai faktor seperti pembangunan pesat di Selangor, pertambahan kawasan tapak binaan, faktor cuaca, kebersihan kawasan sekitar dan kesedaran masyarakat yang tidak cakna berkenaan isu denggi," katanya.

Kesedaran masyarakat dalam isu ini amat penting seiring usaha Kerajaan Negeri ke arah mewujudkan suasana persekitaran bebas wabak denggi.

Jelas membuktikan wabak terbabit mengundang implikasi besar dengan kompaun tinggi iaitu RM624,486 bagi tahun 2014, manakala RM317,750 sehingga 31 Julai lalu.

"Tindakan mengenakan kompaun masih tidak memberi kesedaran kepada masyarakat kerana mereka mengamalkan sikap tidak ambil kisah berkenaan kebersihan



di sekeliling persekitaran.

"Selain itu, kesedaran terhadap bahaya demam denggi masih lagi di tahap rendah walaupun kadar kompaun pembiakan jentik-jentik adalah tinggi iaitu RM500," katanya.

Statistik kes denggi dan bilangan kematian di Selangor bagi minggu epid ke-31 tahun ini men-

catkan 1,336 kes menjadikan kumulatif kes sebanyak 41,223 dan kumulatif kematian sebanyak 92 kes, sehingga 8 Ogos lalu.

Sememangnya catatan itu mendatangkan kebimbangan, namun gerakan berterusan dengan kerjasama semua pihak diyakini mampu mengawal kes dan pembiakan denggi dengan berkesan.

Malah, usaha pihak lain juga harus dicontohi Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Selangor seperti dicadangkan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh.

Kaedah digunakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia terbukti lebih efektif dan positif bagi menangani satu daripada musuh utama negara itu.

"Mereka buat pemetaan, kaji semua kes positif dilaporkan seterusnya mencari 'common trend'. Contohnya, mereka akan mengkaji kawasan lapang dilalui mangsa dan membersihkannya jika denggi menyerang golongan pekerja.

"Begitu juga jika pelajar diserang denggi, seluruh kawasan lapang dilalui mangsa akan dibersihkan. Ia ternyata berkesan, lebih cepat serta efektif, bahkan kaedah itu juga dilaksanakan di Ipoh dan Seri Iskandar," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA,
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja – kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-48/2015 LAND	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Lembut Bagi Kawasan Taman Tasik Cyberjaya Dan Kawasan Letak Kenderaan Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	221002@ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402@220803(Hiasan Jalan/Kawasan)	RM100.00
2	MP Sepang 400-10/12-49/2015 LAND	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Lembut Bagi Kawasan Jalan Teknorat 1 Dan Glomac,Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang	221002@ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402@220803(Hiasan Jalan/Kawasan)	RM100.00
3	MP Sepang 400-10/12-50/2015 LAND	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Lembut Untuk Bagi Kawasan Putra Prima Puchong Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	221002@ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402@220803(Hiasan Jalan/Kawasan)	RM100.00
4	MP Sepang 400-10/12-51/2015 LAND	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Lembut Bagi Sebahagian Kawasan Persiaran Multimedia (Pokok Teduhan Yang Di Tanam Oleh Pihak Cyberview) Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	221002@ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402@220803(Hiasan Jalan/Kawasan)	RM100.00
5	MP Sepang 400-10/12-52/2015 LAND	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Lembut Bagi Kawasan Jalan Masuk Ke Kelab Komuniti,Jalan G1-2,Jalan 1(3) Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	221002@ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402@220803(Hiasan Jalan/Kawasan)	RM100.00
6	MP Sepang 400-10/12-53/2015 LAND	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Lembut Bagi Kawasan Persiaran APEC (Lim Kok Wing Ke Pulau Meranti Rumpun Dan Sapuan Sahaja) Dan Jalan D2 Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	221002@ 220402 (Membersih Kawasan) dan 221402@220803(Hiasan Jalan/Kawasan)	RM100.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **24 hb Ogos 2015** hingga **21 hb September 2015** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor- kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.

3. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **21 hb September 2015**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa - apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Gagal jelas RM9.3 juta cukai taksiran

Ops Sita cari pemilik hartanah

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Operasi Tindakan Sitaan (Ops Sita) yang dilaksanakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) terhadap pemilik harta yang gagal melunaskan tunggakan cukai taksiran diteruskan sehingga akhir Disember ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti MBSA, Shahrin Ahmad, berkata Seksyen Pengurusan Hasil dan Jabatan Kewangan MBSA melaksanakan Ops Sita terhadap pemilik berkenaan selepas enggan membuat bayaran walaupun notis sudah dikeluarkan.

"Operasi itu dilaksanakan selepas pemilik hartanah diberikan notis peringatan tetapi masih enggan membuat sebarang bayaran kepada MBSA. MBSA menyita barangan mudah alih yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran premis itu," katanya dalam kenyataan media, baru-baru ini.

"Tindakan diambil terhadap semua jenis pegangan sama ada kediaman, industri atau perdagangan. MBSA menyarankan pemilik hartanah menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan

diambil ekoran rekod menunjukkan RM9.3 juta masih belum dijelaskan.

"Kutipan cukai taksiran adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan perbandaran seperti perkhidmatan kutipan sisa pepejal, pembersihan awam, penyediaan lanskap, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam juga infrastruktur," katanya.

“

Operasi itu dilaksanakan selepas pemilik hartanah diberikan notis peringatan tetapi masih enggan membuat sebarang bayaran kepada MBSA. MBSA menyita barangan mudah alih yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran premis itu

SHAHNIN AHMAD
Timbalan Pengarah Jabatan
Pembangunan Komuniti MBSA

MB sertai PJ Half Marathon 2015



PETALING JAYA - Kemeriahan Petaling Jaya Half Marathon 2015 diserikan dengan penyertaan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang mengambil peluang berlari sejauh satu kilometer bermula dari pekarangan Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Mohamed Azmin berbuat demikian sejurus melepaskan peserta larian bagi kategori 3 km Family Fun Run sekitar jam 7.00 pagi bersama Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari dan Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain.

Beliau sebelum itu mengam-

bil kesempatan beramah mesra bersama peserta dan orang kelainan upaya (OKU) serta merakamkan foto kenangan sambil memegang Jalur Gemilang.

Petaling Jaya Half Marathon 2015 menyaksikan penyertaan hampir 6,000 peserta yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu larian 21 km, 10 km, 7 km dan 3 km Family Fun Run bermula jam 5.00 pagi, pada 6 September lalu.

Turut kelihatan mengambil bahagian adalah Ahli Parlimen Serdang, Dr Ong Kian Ming yang menyertai kategori larian 21 km untuk tahun ketiga.

Walaupun sibuk menguruskan kerjaya sebagai ahli politik, beliau tetap meluangkan

masa untuk berlari sekurang-kurangnya tiga hingga 40 km seminggu bagi mengekalkan stamina selain menyertai beberapa pertandingan larian terbuka.

Beliau yang ditemui Selangor Kini mengakui acara larian dianjurkan tahun ini lebih menarik berbanding tahun sebelumnya terutama penetapan jajaran perjalanan.

"Jajaran baru diatitkan lebih menarik melalui NPE dan masuk ke PJ Old Town. Ia memberi sedikit kelainan berbanding sebelum ini iaitu ke arah LDP menuju Ara Damansara yang sedikit bosan," katanya sejurus menamatkan larian dalam masa 1 jam 55 minit.

Beg tangan kitar semula pecah rekod dunia



SUBANG - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menyampaikan sijil rekod dunia kepada Mostwell Sdn Bhd melalui pembuatan beg tangan terbesar di dunia.

Pengarah Perancangan Korporat MPSJ, Hamizun Mohd Basar, berkata pembuatan beg 'Holdall' berasaskan barangan kitar semula itu membantu mengurangkan iklan haram.

"Mostwell menyediakan 20 mesin jahit bagi menyiapkan beg secara berperingkat. Antara bahan digunakan poster dan kain rentang terpakai.

"Menariknya, Mostwell juga menghasilkan pelbagai bahan kreatif yang boleh dijadikan cenderamata dengan menggunakan bahan kitar semula," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Guinness World Record di The Place @ One City, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Yang Dipertuan MPSJ, Abdullah Marjunid dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk H Harjeet Singh.

Beg berukuran 25 kaki panjang, 17 kaki 10 inci tinggi dan 9 kaki 11 inci lebar itu mendapat pengiktirafan rekod dunia, pada 29 Mei lalu.

Pengasas Mostwell, Folly Chye Geot Lee, berkata pembuatan beg mengambil masa enam bulan membabitkan kos RM16 ribu turut disertai 1,492 ahli Puspanita MPSJ, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan.

"Untuk program akan datang, kami dalam usaha memecah rekod menghasilkan sofa terpanjang di dunia menggunakan seluar jeans terpakai yang dihasilkan banduan," katanya.




Karnival Kampungku Kesayanganku

DAERAH PETALING

11-12 SEPT 2015

Masjid Jamiul Ehsan Kampung Kubu Gajah,
Sungai Buloh, Selangor.

**JOM
MERIAHKANNYA!!!**

PERCUMA !!!
Tukar Minyak Hitam
Motosikal,
Rawatan Muka &
Dandan Rambut
Wanita



**SEMBANG SANTAI
3K**

JUMAAT | 9.00 MALAM



**FORUM PERDANA
3K**

SABTU | 9.00 MALAM



**SEMBANG SANTAI
& BICARA MUFTI**

**SABTU
9.00 PAGI - 12.00 T/HARI**



PAMERAN & JUALAN, PERTANDINGAN (Mewarna, Gubahan Sireh, Khat, Masakan & Kuih Tradisional) AKTIVITI MENARIK (Sukaneka, Memanah Tradisional, Suppa Doopa, Forum Perdana, Sembang Santai, Tahnik) KENDURI RAKYAT Dan Banyak Lagi Aktiviti Menarik



Utk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :
03 7841 9562

Anjuran :
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi

Akademi Mualaf sedia pendidikan kondusif

SHAH ALAM - Usaha memperkasa pendidikan mualaf dipergiatkan melalui penubuhan Akademi Mualaf oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Timbalan Setiausahanya, Ahmad Shahir Makhtar, berkata projek bernilai RM7 juta di Hulu Selangor itu bakal menjadi nadi pendidikan mualaf dengan persekitaran kondusif.

Katanya, ia menawarkan kursus pengajian bermula daripada peringkat asas sehingga pra-diploma dengan tempoh berbeza.

"Akademi ini dijangka mampu menampung sehingga 120 pelajar pada satu masa melalui tawaran kursus pengajian asas selama empat bulan, manakala pra diploma selama 18 bulan.

"Bagi kursus peringkat diploma, MAIS mengadakan perbincangan awal dengan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Kita jangka akademi ini beroperasi tahun depan"

katanya pada Malam Anugerah Qudwatul Hasanah Mualaf ke-11 di Pusat Konvensyen Shah Alam, di sini, pada 5 September lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kassim; Pengerusi Hal Ehwal Mualaf MAIS, Datuk Emran Kadir dan Setiausaha MAIS, Datuk Bakhtiar Hussin.

Pada masa sama, Shahir yang juga Ketua Pendaftaran Mualaf MAIS, berkata penambahbaikan pendidikan terhadap golongan itu sudah dilakukan melalui pembiayaan pendidikan di peringkat sekolah rendah sehingga doktor falsafah.

Katanya, keutamaan pendidikan diberi kepada mualaf cemerlang yang menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) diiktiraf kerajaan.

"Pelajar cemerlang terus diberi tajaan sementara yang tidak mencapai kelulusan tahap minima diberi perhatian khusus melalui kursus pengukuhan dan motivasi diri," katanya.



Halal International Selangor latih empat IPTA

Komited teraju industri halal global

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Komitmen Selangor untuk terus menerajui industri dan perdagangan halalan toyiban global diperluaskan lagi dengan kolaborasi bersama empat universiti tempatan.

Empat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) itu adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) yang menandatangani perjanjian kolaborasi dengan Central Spectrum (M) Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif Halal International Se-

langor (HIS), Mahmoud Abbas, berkata kerjasama itu bertujuan memperkenalkan program latihan yang diperakui Halal Technical Competent Person (HTCP) di universiti berkenaan.

"Ditawarkan dalam lima peringkat iaitu untuk perkhidmatan dan perdagangan halal domestik juga global. Peserta akan didedahkan dengan ilmu praktik yang penting berkenaan pematuhan syariah, standard Halal Malaysia juga pendedahan teknikal dan komersial oleh pakar industri halal," katanya, pada 3 September lalu.



Peserta akan didedahkan dengan ilmu praktik yang penting berkenaan pematuhan syariah, standard Halal Malaysia juga pendedahan teknikal dan komersial oleh pakar industri halal

MAHMOUD ABBAS
Ketua Pegawai Eksekutif Halal International Selangor (HIS)

Hadir sama pada majlis itu adalah Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Seri Mohamad Adzib Mohd Isa dan Pengerusi Central Spectrum, Datuk Raja Idris Raja Kamarudin.

Beliau berkata, HIS mahu menjadikan ia sebagai landasan komuniti terulung bagi pasaran global dengan membuka peluang sedia ada.

"Jadi bagi memperluaskannya, kami mahu IPT terbabit sama. Kursus pendek selama satu hingga dua minggu sedang dijalankan dan kali ini, kami mahu jadikan ia program pembelajaran selama setahun setengah," katanya.

HIS adalah inisiatif Central Spectrum (M) Sdn Bhd yang dilancarkan pada 2014 di Selangor untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi menyahut dan memenuhi permintaan perusahaan dalam perniagaan halal global.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA,
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja – kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-55/2015 JKP	Cadangan Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Mencuci Bangunan Dan Pembersihan Di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Sepang	221001(Pembersihan Bangunan Dan Pejabat) Dan 221002 (Membersih Kawasan)	RM100.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **24 hb Ogos 2015** hingga **21 hb September 2015** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor- kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.

3. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **21 hb September 2015**

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Pembangunan mualaf

RM21.2 juta bantu bangun pendidikan Islam tersusun

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Sejumlah RM21.2 juta diperuntukkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi bantuan pendidikan dan pembangunan latihan mualaf, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf MAIS, Datuk Emran Kadir, berkata RM17 juta dikhususkan kepada pendidikan, manakala RM4.2 juta untuk program latihan daripada jumlah itu.

"MAIS juga menambahbaik insentif pendidikan mualaf untuk semua peringkat iaitu pengajian tinggi, sekolah atau institusi pengajian khas.

"Ia bagi membolehkan golongan ini terus berjaya mendapat pendidikan Islam dengan

baik dan tersusun," katanya pada Malam Anugerah Qudwatul Hasanah Mualaf ke-2 di Pusat Konvensyen Shah Alam, di sini, pada 4 September lalu.

Pada masa sama, Emran berkata bantuan perniagaan seperti modal pusingan dan barangan bagi mualaf yang ingin menceburkan diri dalam bidang itu turut disediakan.

Katanya, MAIS memperuntukkan kira-kira RM750,000 setahun untuk tujuan itu dan kini ia semakin mendapat sambutan.

"Bantuan ini bukan hanya untuk individu pertama kali menceburkan diri dalam perniagaan tetapi boleh dimanfaatkan untuk mereka yang mahu mengembangkan perniagaan," katanya.



RM100 ribu bangun Masjid Al-Ansar


HULU KLANG - Masjid Al-Ansar, Taman Keramat, di sini, menerima sumbangan RM100 ribu dari Kerajaan Negeri bagi penambahbaikan prasarana dan rumah imam, pada 4 September lalu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri berhasrat melihat institusi masjid dan surau di Selangor terus dimartabatkan bukan sahaja daripada aspek kemudahan pembangunan, bahkan pengisian mengimarahkan institusi itu.

"Kerajaan Negeri berharap bantuan ini memberi manfaat besar buat jemaah dan ahli kariah. Ahli jawatankuasa juga diseru terus memainkan peranan lebih efektif bagi mengajak orang ramai mengimarahkan masjid," katanya pada majlis penyerahan dan solat Jumaat di masjid berkenaan.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Negeri optimis memberi tumpuan terhadap pembangunan modal insan di kalangan pelajar madrasah dan maahad tahfiz.

Katanya, pelbagai bentuk pembangunan sedang dirangka dan bakal dilaksanakan



menjelang tahun hadapan.

"Memandangkan keadaan ekonomi negara agak gentir, saya sudah mengadakan pertemuan dengan pegawai perbelanjaan untuk menyusun perbelajaan secara berhemah dengan simpanan yang kukuh. Ia bagi memberi tumpuan terhadap pembangunan modal insan di madrasah dan maahad tahfiz.

"Kerajaan Negeri bercadang membangunkan maahad tahfiz baru dan kemudahan asrama

eZakat sebar dakwah secara optimum

SHAH ALAM - Medium penyampaian dakwah Lembaga Zakat Selangor (LZS) dioptimumkan melalui pengenalan aplikasi telefon pintar, eZakat.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat LZS, Norajun Aion Mohd Hashim, berkata aplikasi itu dilengkapi pelbagai kemudahan dan maklumat berkenaan zakat untuk kemudahan orang ramai.

"Aplikasi ini dilengkapi kalkulator zakat untuk memudahkan pengguna membuat pengiraan, kaedah pembayaran dan mendapatkan info zakat. Ia juga membolehkan pengguna mengakses dan menyemak rekod bayaran zakat mereka," katanya kepada Selangor Kini.

Norajun berkata, aplikasi itu turut memperkenalkan fungsi 'Lapor Asnaf' yang membolehkan orang ramai menyalurkan maklumat jika terdapat individu atau keluarga memerlukan bantuan.

Katanya, pengguna hanya perlu mengisi butiran lengkap individu atau keluarga yang ingin dibantu serta gambar jika ada.

"LZS akan turun padang membuat siasatan selepas mendapat maklumat penuh daripada



Aplikasi ini dilengkapi kalkulator zakat untuk memudahkan pengguna membuat pengiraan, kaedah pembayaran dan mendapatkan info zakat

NORAJUN AION
Pengurus Besar Komunikasi Korporat LZS

laporan diterima. Proses ini akan mengambil tempoh 14 hari waktu bekerja," katanya.

eZakat boleh dimuat turun secara percuma di Playstore untuk versi Android dan Applestore untuk versi iOS.

Kerajaan Negeri berharap bantuan ini memberi manfaat besar buat jemaah dan ahli kariah

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

lebih selesa di beberapa daerah selain pembangunan semula surau serta kampung tradisional," katanya.

Advokasi tangani keganasan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Program Advokasi berkenaan keganasan terhadap wanita bakal diterapkan di semua Pusat Wanita Berdaya (PWB) sebagai usaha meningkatkan lagi kesedaran dan kepentingan peranan semua pihak dalam mengatasi masalah berkenaan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr

Daroyah Alwi berkata Kerajaan Negeri sentiasa mengambil serius isu yang sering membelenggu golongan wanita.

Katanya, wanita boleh diberi pendedahan secara akar umbi membabitkan perkara berkaitan dengan lebih mudah dan menyeluruh berhubung keganasan melalui PWB.

Beliau berkata, sebanyak 4,807 kes keganasan rumah tangga di-

laporkan berdasarkan statistik polis, pada 2014.

"Manakala pada 2013, sebanyak 4,123 kes dan 2012 (3,488). Peningkatan kes itu disebabkan tahap kesedaran wanita meningkat dengan sistem sokongan yang disediakan.

"Kerajaan Negeri berpandangan lebih ramai wanita yang pernah dianiaya berani tampil membuat aduan bagi mendapatkan

bantuan dan pembelaan," katanya kepada Selangor Kini selepas merasmikan program advokasi peringkat negeri, di Dewan Jubli Perak, pada 8 September lalu.

Daroyah berkata, adalah membimbangkan apabila statistik kes itu mencatatkan peningkatan 12 peratus dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

"Ia menjadikan 2,576 kes dilaporkan berbanding 2,295 tahun lalu bagi tempoh sama. Kita percaya angka ini sebenarnya lebih

banyak, namun tidak dilaporkan atas pelbagai alasan seperti malu dan takut," katanya.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak perlu memainkan peranan dan bertanggungjawab menangani masalah itu termasuk langkah pencegahan.

"Kita tidak hanya boleh mengharapkan kerajaan sahaja. Badan bukan kerajaan juga masyarakat perlu diberikan pendedahan dan penyediaan persekitaran selamat untuk mereka," katanya.

Kefahaman gender capai tiga aspek utama

SHAH ALAM - Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN Gombak Setia bersama PWB Hulu Kelang menganjur kursus Kepimpinan dan Kefahaman Gender untuk mencapai pembangunan sosial, ekonomi dan politik supaya rakyat bergerak ke arah lebih baik.

Menurut laman sesawang facebook PWB Gombak Setia, kursus bermula seawal jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di Dewan Orang Ramai Kampung Klang Gate, pada 6 September lalu.

Sebelum ini, Pegawai Pe-

nyelaras PWB Selangor, Noor Sham Abu Samah, berkata kursus itu diberi peruntukan RM2,500 bagi setiap DUN untuk melaksanakan.

"Ia bagi mencapai keseksamaan gender rakyat dalam mencorakkan pembangunan dinikmati rakyat. Kursus itu juga mendidik wanita dalam penguasaan masa, perundingan, pengurusan stress, membuat keputusan, belanjawan, motivasi dan imej diri," katanya.

Program PWB Gombak Setia dirasmikan Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA mEmBEKAL, mE - mASANG, mENGUJI SERTA mENGUJITERIMA SISTEM PENYAMAN UDARA BAGI CADANGAN mEmBiNA DAN mENYIAPKAN BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputera T1	CiDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G5 Kategori : mE Pengkhususan: m01	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 10/09/2015 (Khamis) Sehingga 29/09/2015 (Selasa)	Rm208.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 08/10/2015 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bhg. Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Sek. 17, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55194041

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Pejabat yang memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Selangor	CADANGAN mEmBEKAL DAN mEmASANG SISTEM AUDIO DAN VIDEO f ASA ii, DEWAN NEGERI SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	Terbuka	(KEWANGAN) 221304 atau 221511 Wajib Daftar Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 10/9/2015 (Khamis) Sehingga 24/9/2015 (Khamis)	Rm250.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 1/10/2015 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bhg. Elektrik, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447738

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

***Jenis Syarikat**

Tempatan: T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



NOTIS PEMBERITAHUAN

PUBLISITI DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035 YANG TERSEDIA UNTUK DIPERIKSA

Menurut Subseksyen 9 (2), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini diberitahu bahawa salinan Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 tersebut sedia untuk diperiksa bermula dari 1hb. September 2015 - 30hb. September 2015 pada hari bekerja di tempat berikut :

Tempat	Tarikh	Masa
Tingkat 16, Bangunan Darul Ehsan, No.3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40646 Shah Alam.	1 Sept. 2015- 30 Sept. 2015	9.00 pg - 4.00 ptg

Semua pejabat Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor

Bantahan berkenaan dengan Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 boleh dikemukakan dengan menggunakan borang bantahan awam yang disediakan, surat ataupun memorandum kepada Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sebelum atau pada 30hb. September 2015. Borang bantahan awam, surat ataupun memorandum itu hendaklah dialamatkan atau diemail kepada :

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40646 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
No. Tel. : 03-55116666
No. Faks : 03-55105051
Laman Web : www.jpbdselangor.gov.my
Email: drafrsn2035@jpbdselangor.gov.my

SUKMA dwi-tahunan

Bangun sukan negeri dan negara

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Penganjuran Sukan Malaysia (Sukma) sebagai temasya dwi-tahunan bermula tahun hadapan akan membawa kebaikan kepada pembangunan sukan negeri dan negara.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata perubahan itu amat sesuai dengan penganjuran sukan di peringkat negeri yang diadakan secara berselang dengan Sukma.

"Tahun ini kita buat Sukses, tahun hadapan Sukma. Acara Sukses kemudian diteruskan, pada 2017, manakala Sukma pula 2018 dan begitu juga seterusnya.

"Perubahan jadual Sukma adalah satu tindakan yang betul kerana kita dapat menyusun kembali program pembangunan sukan dan mengukur pencapaian atlet sebelum ia berlangsung," katanya dalam sidang media, di sini, pada 3 September lalu.

Amirudin berkata, penganjuran Sukma setiap tahun menyaksikan

jadual Majlis Sukan Negeri Selangor agak padat bagi persiapan kontinjen ke kejohanan berkenaan.

Katanya, Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) yang menggubal kembali Sukma bagi penganjuran dua tahun sekali.

Sukma bermula pada 1986 sebagai sukan dwi-tahunan hingga 2008, manakala pada 2010 hingga 2014 diadakan secara tahunan dan kembali dianjurkan dua tahun sekali dalam edisi ke-18 tahun hadapan.

Promosi gaya hidup sihat

SUBANG JAYA- Kewujudan gimnasium luar di USJ 2, di sini, diyakini mampu mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk membabitkan tiga peralatan untuk orang dewasa sementara dua lagi khas bagi kanak-kanak dengan kos keseluruhan RM15,000.



Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata fasiliti disediakan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) itu juga sesuai untuk kegunaan semua peringkat usia

"Ketika ini, hampir semua padang utama di Subang Jaya dilengkapi gimnasium luar dan ia popular dalam kalangan penduduk. Kita dapat lihat fasiliti ini juga mampu merapatkan hubungan penduduk pelbagai kaum," katanya kepada Selangor Kini ketika merasmikan gimnasium luar di padang permainan USJ 2/4S, pada 2 September lalu.

Sebelum ini, gimnasium luar turut disediakan di padang utama antaranya di USJ 4, USJ 11/5, USJ 5 dan SS14.

Hannah yang juga Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), berkata pihaknya akan memantau semua gimnasium luar sebelum program penyediaan diteruskan di tempat lain.

"Kita akan lihat dahulu daripada segi penyelenggaraan dalam tempoh dua tahun ini. Kemudian, baru putuskan tindakan selanjutnya sama ada untuk meneruskan atau sebaliknya," katanya.



Sejamas FC juara Piala William Leong

SHAH ALAM - Sebanyak 26 pasukan sekitar Parlimen Selayang menyertai Kejohanan Bola Sepak Piala William Leong anjuran Kelab Belia Batu Arang, di padang Majlis Perbandaran Selayang (MPS), pada 31 Ogos lalu.

Pengerusinya, V Anmuniandy, berkata aktiviti sukan yang julung kali dianjurkan itu bertujuan menyemai gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat terutama golongan belia dengan aktiviti berfaedah.

"Kita sifatkan penganjuran kali pertama ini sebagai berjaya dan diharapkan lebih mendapat sambutan juga tajaan pada masa depan. Terima kasih juga atas kerjasama polis yang mengawal keselamatan pada hari kejohanan," katanya kepada Selangor Kini.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disampaikan Ahli Parlimen Selayang, William Leong yang turut dihadiri penyelaras DUN Kuang, Salasiah Disa.



Kejohanan yang diadakan secara kalah mati itu dijuarai Sejamas FC Selayang Jaya yang berjaya membawa pulang wang tunai RM2,000, medal serta piala iringan.

Tempat kedua pula dimenangi

Kuala Selangor BRP membabitkan hadiah wang tunai RM1,500 juga medal, manakala tempat ketiga juga keempat menjadi milik Kuala Selangor BRP A dan Hulu Langat dengan masing-masing memenangi RM1,000 serta RM500.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
11 - 18 SEPTEMBER 2015							
27 ZULKAEDAH - 4 ZULHIJJAH 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	5:40	5:50	7:06	1:13	4:14	7:16	8:25
12 Sabtu	5:40	5:50	7:06	1:13	4:13	7:16	8:25
13 Ahad	5:40	5:50	7:06	1:12	4:12	7:15	8:24
14 Isnin	5:39	5:49	7:05	1:12	4:12	7:15	8:24
15 Selasa	5:39	5:49	7:05	1:11	4:12	7:15	8:23
16 Rabu	5:39	5:49	7:05	1:11	4:12	7:14	8:23
17 Khamis	5:39	5:49	7:05	1:11	4:13	7:14	8:23
18 Jumaat	5:38	5:48	7:04	1:10	4:13	7:13	8:22
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	5:42	5:52	7:08	1:15	4:16	7:18	8:27
12 Sabtu	5:42	5:52	7:08	1:15	4:15	7:18	8:27
13 Ahad	5:42	5:52	7:08	1:14	4:14	7:17	8:26
14 Isnin	5:41	5:51	7:07	1:14	4:14	7:17	8:26
15 Selasa	5:41	5:51	7:07	1:13	4:14	7:17	8:25
16 Rabu	5:41	5:51	7:07	1:13	4:14	7:16	8:25
17 Khamis	5:41	5:51	7:07	1:13	4:15	7:16	8:25
18 Jumaat	5:40	5:50	7:06	1:12	4:15	7:15	8:24

Piala Sultan Selangor

GLC sumbang RM1.2 juta

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima cek sumbangan RM1.8 juta sempena penganjuran Piala Sultan Selangor edisi ke-14, di Grand Ballroom, Hotel Concorde, di sini, pada 3 September lalu.

Lebih membanggakan, RM1.2 juta daripadanya disumbangkan empat anak syarikat (GLC) Kerajaan Negeri.

Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) menjadi

penyumbang terbesar dengan jumlah RM600,000 sementara Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Worldwide Landfills Sdn Bhd dan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) masing-masing menyumbang RM200,000.

Sultan Sharafuddin menerima sumbangan cek itu sambil diiringi Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola dan Pelaksana, Tan Sri Abdul Karim

Munisar.

Piala Sultan Selangor 2015 bakal berlangsung di Stadium Shah Alam dengan pertandingan dua perlawanan veteran Selangor menentang veteran Singapura dan pilihan Selangor menentang pilihan Singapura, pada 24 Oktober ini.

Edisi ke-14 itu bakal disertai dengan tarian 200 pelajar daripada 17 sekolah di Selangor serta persembahan nyanyian kumpulan Caliph Buskers.



OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Sukan Selangor (Sukses) 2015 menghadirkan saingan lebih mencabar kepada atlet dengan pertambahan lima acara sukan baharu dalam kejohanan kali ini.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata perubahan itu turut menyaksikan pertambahan jumlah atlet bertanding dalam temasya yang bermula 3 hingga 20 September ini.

"Tahun lalu kita pertandingkan lapan acara, manakala kali ini ia bertambah kepada 13 acara. Sudah pasti saingan lebih mencabar dan saya menjangkakan ia akan terus ditambahbaik untuk tahun akan datang kerana pada masa ini kita sedang mengukuhkan fungsi Majlis Sukan Daerah (MSD)," katanya dalam sidang media, di sini, pada 2 September lalu.

SUKSES 2015

Lima sukan baharu, saingan lebih mencabar



Sukses 2015 dijalankan di semua daerah mengikut acara sukan dipertandingkan dengan lima acara baharu iaitu taekwondo, pencak silat, karate-do, bola tampar dan tenpin bowling.

Amirudin berkata, pendekatan itu diambil kerana setiap daerah dipertanggungjawabkan mengendalikan program pembangunan sukan dan menjadi pusat latihan.

"Kita babitkan semua daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana sudah menjadi dasar beberapa tahun kebelakangan ini membabitkan penyertaan PBT dalam program sukan.

"Sebagai contoh, acara badminton di Petaling Jaya dan memang Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dilantik sebagai pusat latihan badminton. Pada masa sama, MBPJ akan menjadi bapa angkat sukan badminton ketika Sukan Malaysia (Sukma) akan datang," katanya.

Sukses 2015 menghimpunkan 3,177 peserta iaitu 2,709 atlet dan 468 pegawai dengan tawaran 602 pingat, bahkan ia menjadi pentas untuk atlet muda Selangor mempamerkan kebolehan bagi pemilihan Sukma dan kejohanan lain.

CERGAS...
Peserta orang kelainan upaya (OKU) turut sama memeriahkan Petaling Jaya Half Marathon yang turut disertai 6,000 peserta melibatkan empat kategori. Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali turut sama hadir bagi melepas peserta marathon



Gambar oleh Asrie Sapfie

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985